

**Jilid I
Bil. 10**



**Hari Selasa
19hb November, 1974**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 829]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 846]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 846]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen
PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 19hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kemping).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S.
(Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG,
P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K.
(Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL,
D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN
RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN
BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD
(Machang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E.
(Marudu).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Bau-Lundu).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

BARANG-BARANG IMPOT KE SABAH/SARAWAK—CUKAI

1. Pengiran Tahir bin Pengiran Patara (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kewangan adakah beliau sedar bahawa ada terdapat barang-barang yang dibawa dari Semenanjung Malaysia oleh Rakyat Sabah dicukai lagi sekali apabila sampai di Sabah. Jika ya, adakah rancangan Kerajaan hendak mengubah sistem kutipan cukai dalam negara kita ini supaya barang-barang yang dibawa antara negeri-negeri dalam Malaysia tidak dikenakan cukai kerana ini adalah untuk merengangkan beban rakyat. Jika ya, bilakah akan dimulakan dan kalau sekiranya tidak, berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menerangkan kedudukan perjalanan barang-barang berasal dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak atau sebaliknya. Barang-barang yang dimaksudkan itu adalah barang-barang impot ataupun barang-barang yang dikeluarkan dalam negeri ini.

Pada permulaannya saya akan menyentuh barang-barang impot. Barang-barang itu adalah dikenakan cukai-cukai impot apabila dibawa masuk pada pertama kalinya ke Malaysia. Kemudian barang-barang itu boleh dibawa dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak, misalnya, dengan tiada dikenakan lagi bayaran cukai tetapi peraturan-peraturan kastam yang telah ditetapkan mestilah dipatuhi.

Barang-barang yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia, samada ditanam ataupun dikilang adalah bebas untuk dibawa dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau

Sarawak dengan tiada dikenakan lagi bayaran cukai, jika barang-barang tersebut tidak tertakluk kepada cukai eksais. Walau bagaimanapun, barang-barang tersebut mestilah disertai dengan sijil tampasal untuk menunjukkan di mana barang-barang itu mula berasal.

Bagi barang-barang yang dikenakan cukai eksais peraturan sekarang ini ialah barang-barang itu dikecualikan daripada cukai-cukai itu di kawasan kastam di mana barang-barang itu dikeluarkan tetapi adalah dikenakan cukai impot di kawasan-kawasan kastam yang lain. Misalnya, apabila barang-barang bercukai eksais dibawa daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak barang-barang ini adalah dikecualikan daripada cukai eksais di Semenanjung Malaysia tetapi dikenakan cukai impot di Sabah dan Sarawak pada kadar yang sama dengan cukai eksais yang dikenakan ke atas barang-barang tersebut. Peraturan ini adalah perlu kerana ada tiga kawasan kastam di Malaysia di mana penyamaan tarif di ketiga-tiga kawasan ini belum lagi selesai. Oleh itu barang-barang tersebut dikenakan cukai hanya sekali sahaja dan adalah tidak benar bagi menyatakan bahawa barang-barang tersebut dikenakan cukai dua kali.

Kedudukan bagi barang-barang yang tertakluk kepada cukai jualan adalah juga sama. Barang-barang tersebut adalah dikecualikan daripada cukai jualan apabila dibawa daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak setelah cukai jualan itu dibayar di Semenanjung Malaysia. Adalah tujuan Kerajaan untuk memudahkan sistem pengutipan cukai bagi barang-barang yang dibawa di antara kawasan-kawasan kastam tetapi kemudahan tersebut adalah bergantung kepada kemajuan penyatuan tarif di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang pada masa ini dibuat secara beransur-ansur.

GURU-GURU SEMENTARA— LATIHAN

2. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan-rancangan beliau untuk melatih 12,000 guru-guru sementara yang ada sekarang.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan berikut adalah dibuat untuk melatih guru-guru sementara yang ada sekarang:

- (a) Mereka yang memenuhi semua syarat-syarat yang dikehendaki akan diberi latihan perguruan dalam masa cuti dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan.
- (b) Mereka yang layak bolehlah membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk mendapat latihan perguruan sepenuh masa di Maktab-maktab perguruan apabila iklan berkenaan dengannya disiarkan di akhbar-akhbar tempatan.
- (c) Satu rancangan latihan yang lebih besar sedang dikaji supaya lebih banyak lagi dari guru-guru sementara ini dapat diberi latihan dengan seberapa segera yang boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjelaskan tiga kategori guru sementara Kerajaan ingin melatih. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan mengapakah begitu ramai sehingga 12,000 guru sementara telah berkhidmat di Kementerian Pelajaran walaupun ada banyak pemuda-pemudi yang ada kelayakan yang sesuai untuk dilatih di Maktab-maktab Perguruan, jika ada, mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk mengeluarkan lebih ramai guru supaya kekurangan guru-guru yang ada sekarang tidak berlaku?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, tempat-tempat di dalam maktab-maktab perguruan tidaklah begitu banyak dan kita tidak dapat mengambil semua yang meminta masuk mengikuti latihan perguruan ini. Yang kedua, guru-guru sementara itu terpaksa diambil sementara kita menunggu tempat-tempat yang akan diadakan di dalam maktab-maktab tersebut. Guru-guru sementara ini adalah guru-guru yang setengah daripadanya telah mengajar begitu lama dan telah dapat kebolehan daripada pengalaman mereka dan mereka masih boleh memberi pelajaran walaupun mereka belum dapat dilatih. Kita tidaklah dapat menolak guru-guru yang begitu lama

berkhidmat dengan semata-mata oleh kerana kita ingin memasukkan orang-orang yang baru sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Menteri berkenaan menyatakan ada begitu ramai guru sementara oleh sebab tiada mencukupi tempat di maktab-maktab perguruan. Bolehkah Menteri berkenaan menjelaskan mengapakah Kerajaan tidak membina lebih banyak maktab perguruan supaya guru-guru sementara boleh dilatih di maktab perguruan yang saya harap Kerajaan boleh bina pada tahun akan datang.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pelajaran di dalam negara kita adalah begitu pesat sekali sehingga di waktu kita merdeka cuma ada 10,000 orang guru, tetapi sekarang ini kita ada 70,000 orang guru yang bermakna kita telah berkembang dalam jangka masa yang pendek sebanyak 700%. Dalam keadaan yang semacam ini adalah agak sukar bagi Kerajaan memperhitungkan tempat-tempat yang mesti diadakan untuk melatih guru-guru ini. Oleh kerana itu, walaupun kita dapat menambah bilangan tempat masih juga kekurangan tempat. Itulah sebabnya guru-guru sementara itu telah berlipat-ganda.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Menteri berkenaan menyatakan ada guru sementara yang berkhidmat begitu lama dan oleh sebab itu Kerajaan tidak ingin membuang mereka. Bolehkah Menteri berkenaan jelaskan mengapakah guru sementara yang ada pengalaman seumpama 5-10 tahun berkhidmat tidak boleh diambil sebagai guru tetap atau permanent service?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengambil guru-guru sementara yang begitu banyak pengalaman, tetapi kita tidaklah dapat mengambil semua guru-guru untuk latihan daripada golongan guru-guru sementara sahaja. Kita terpaksa juga mengambil guru-guru baru yang mana telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Oleh kerana itu, kita tidaklah dapat melayani semua permintaan, tetapi itu tidaklah bermakna kita tidak pernah mengambil guru-guru sementara untuk latihan.

Dr Tan Chee Khoon: Menteri berkenaan menyatakan guru-guru sementara yang tiga kategori itu akan dilatih. Bolehkah Menteri

berkenaan menjelaskan di tahun yang akan datang kekurangan guru di sekolah-sekolah dalam tanahair kita tidak akan timbul lagi, seperti Ahli dari Besut menyatakan di sekolah menengah di sana lebih kurang setahun lamanya tidak ada guru mathematics dan guru sains.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menjamin bahawa kekurangan tidak akan berlaku. Apa yang saya boleh mengakui di sini ialah Kementerian Pelajaran akan cuba memenuhi kekurangan itu.

JAMBATAN KUALA SELANGOR— PEMBINAAN

3. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan kedudukan pembinaan sebuah jambatan di Kuala Selangor yang kerja-kerjanya telah kebelakangan, sungguhpun pihak yang berkenaan telah berjanji hendak menyediakan sebuah jambatan pada akhir tahun 1975 untuk faedah orang ramai.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang kononnya Kerajaan telah berjanji hendak menyiapkan jambatan itu pada tahun 1975 tidaklah benar. Sebenarnya, kontraktor untuk membina jambatan itu telah diberi lebih kurang dalam bulan Julai, 1973 dan pada masa itu dijangka siap pada bulan Julai, 1975. Apa yang dijangka tentulah sukar diikuti tanpa sesuatu gangguan yang kadang-kala timbul.

Pada masa ini kerja-kerja pejabat tapak bina (site office) dan lapangan membuat rasuk tetulang (prestressed beam) telah disiapkan oleh pemborong yang berkenaan dan sebanyak 354 batang paip-paip keluli berukuran 30' x 30' telahpun dibekalkan ke kawasan tapak bina jambatan itu. Seterusnya kegunaan melancarkan rasuk-rasuk tetulang itu, kerja-kerja memasang acuan-acuan rasuk tetulang dan mengimpal (welding) tiang-tiang keluli selinder itu telah dimulakan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa syarikat pembinaan tersebut telah kebelakangan kerja-kerjanya disebabkan oleh kesusahan mendapatkan bahan-bahan binaan seperti simen dan besi yang telah naik harganya sesudah kerja pembinaan

itu diberi kepada mereka. Jika sedar, apakah caranya untuk membantu pemborong tersebut memandang kepada peraturan yang ada sekarang di mana pemborong yang menghadapi kerumitan mendapatkan besi, simen atau bahan-bahan pembinaan boleh diberi pertimbangan yang berkuatkuasa daripada bulan September, 1974.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini adalah sedar keadaan yang tidak memuaskan itu, dan pada masa ini dalam perkara yang specific seperti ini, kerana pemborong ini adalah syarikat bumiputra, pihak Kerajaan adalah menitikberatkan soal memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan kerja tersebut. Pada awal bulan September, 1974 pihak J.K.R. telah menimbangkan soal menamatkan kontrak pemborong ini, tetapi sebelum keputusan diambil pemborong telah memberitahu bahawa mereka telah mendapat bantuan perkhidmatan daripada satu firma Peranchis, Centera namanya, untuk meneruskan pembinaan jambatan itu. Satu mesyuarat telah diadakan pada 1hb September, 1974 dengan wakil-wakil pemborong dan firma tersebut dan satu persetujuan telah dibuat oleh pemborong itu untuk meneruskan kerja secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa firma Peranchis itu telah menyiapkan beberapa projek jambatan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan sangat memuaskan, maka adalah dirasakan bahawa kerjasama dengan pemborong bagi Jabatan Kerja Raya akan merupakan satu pertolongan yang besar bagi menyiapkan pembinaan jambatan itu. Itulah cara-caranya Kementerian ini telah memberi pertolongan kepada pemborong yang menghadapi kesukaran itu.

RANCANGAN PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF KUALA LUMPUR

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Rancangan Pembangunan Komprehensif untuk Kuala Lumpur itu adalah tidak memuaskan;
- (b) samada Kementerian beliau bercadang mengemukakan satu Rancangan Induk (Master Plan) yang baru bukan sahaja

bagi pembangunan Kuala Lumpur bahkan Wilayah Persekutuan juga; dan

- (c) samada beliau akan menyuruh Dewan Bandaraya untuk mengkaji semula masaalah pembahagian Kawasan atau "Zoning" di Kuala Lumpur untuk menjamin supaya pedagang-pedagang sekarang tidak akan terkorban dengan tidak adil.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) dan (b) saya sedar. Tindakan telahpun diambil untuk mengkaji semula Comprehensive Development Plan yang ada sekarang bagi Kuala Lumpur serta membentuk pelan induk yang baru. Data-data dan maklumat-maklumat bagi kajian tersebut telahpun diperolehi dan terms of reference untuk kajian semula tersebut telahpun disiapkan. Kerja-kerja membentuk pelan induk yang baru ini akan dimulakan pada awal tahun hadapan dan dijangka mengambil masa dua tahun.

Masaalah-masaalah zoning dan peniaga-peniaga yang menyalahi zoning itu adalah termasuk dalam kajian itu nanti. Buat sementara pedagang-pedagang yang terlibat telah diberi kebenaran sementara dari setahun ke setahun jika perniagaan mereka tidak menimbulkan gangguan kepada orang ramai di kawasan yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar, zoning di Kuala Lumpur ini telah timbul atau mengakibatkan beberapa masaalah kepada pedagang-pedagang yang berniaga di tempat masing-masing bukan satu-dua tahun barangkali 30-40 tahun. Oleh kerana itu, kalau Kerajaan menukarkan zoningnya maka mereka terpaksa dipindahkan ke lain tempat dan timbullah masaalah yang paling besar kepada pedagang-pedagang tersebut.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jawabkan tadi bahawa Kementerian ini sedar sebab itulah kajian semula mengenai pelan induk dan zoning itu sedang dikaji.

Mengenai kedudukan setengah peniaga-peniaga sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, jawapan telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri pada 17hb Julai, 1974.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Kalau sekiranya Kerajaan hendak mengkaji perkara zoning ini, bolehkah Kementeriananya sebelum mengambil keputusan mendapat fikiran daripada pedagang-pedagang sebelum Kerajaan menyiapkan rancangan terhadap zoning di Kuala Lumpur.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebenarnya akan memberikan keadilan yang sebaik-baiknya kepada semua pihak dan akan menimbangkan semua perkara itu dari segala segi.

PERUMAHAN MODEN DI SUNGAI MIDAH

5. Tuan Lim Kit Siang (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan adakah sebarang rancangan perumahan moden di kawasan Melayu, Sungai Midah, Jalan Cheras oleh Kerajaan kerana kawasan ini menjadi sebahagian kawasan Wilayah Persekutuan, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah meminta semua negeri-negeri termasuk juga pihak Dewan Bandaraya untuk mengemukakan permohonan-permohonan bagi wang pinjaman Persekutuan untuk melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Satu rancangan perumahan moden di kawasan Melayu di Sungai Midah, Jalan Cheras akan dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga oleh Kementerian saya jika dipersetujui oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

RUMAH-RUMAH PANGSA BAGI SETINGGAN-SETINGGAN

6. Tuan Lim Kit Siang (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan langkah yang Kerajaan akan ambil untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang mempunyai dan yang tidak mempunyai

Lesen Menduduki Sementara (T.O.L.) di Tanah Negeri sepanjang Jalan Cheras, Kuala Lumpur apakala Kerajaan menggunakan tanah yang mereka duduki sekarang itu untuk pembangunan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, jika tanah di sepanjang Jalan Cheras dikehendaki untuk projek-projek Kerajaan, setinggan-setinggan akan diberi pertimbangan untuk mendapatkan rumah-rumah pangsa yang paling hampir dengan kawasan itu atau dengan cara pembinaan rumah-rumah sementara jika tidak ada masa itu.

TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah bilangan orang-orang yang sedang dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (ii) bilangan orang yang telah ditahan dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, dan bilangan yang telah dibebaskan dalam tempoh masa yang sama;
- (iii) sebab-sebab penangkapan secara intensif di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dilakukan baru-baru ini; dan
- (iv) samada Kerajaan akan mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan tujuan untuk memansuhkannya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah orang yang sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sekarang ialah 297 orang.
- (ii) Bilangan orang yang telah ditahan dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini ialah 90 orang. Bilangan yang telah dibebaskan dalam tempoh yang sama ialah 63 orang.
- (iii) Tidak ada tangkapan secara intensif yang dilakukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri seperti yang ditomahkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tangkapan yang dijalankan selama ini adalah tindakan-

tindakan biasa yang perlu dijalankan untuk mencegah dan menghalang anasir-anasir sabversif dan antinasional daripada meneruskan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan kemudaratan dan ancaman kepada keselamatan negara.

- (iv) Demi menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana keganasan yang dibawa oleh pengganas Kominis dan anasir sabversif masih lagi berlaku.

Tentu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membaca dalam akhbar banyak kejadian-kejadian, umpamanya, penangkapan setelah terdedah satu komplot pengganas-pengganas kominis di Kepong dengan pembunuhan ketua pengganasnya ataupun pembunuhan anggota polis di Kulim, Ipoh, Chemor, Melaka atau cerita kominis yang mati kebuluran di Raub atau penjumpaan food dump di beberapa tempat. Dua tiga hari dahulu kita dengar cerita di Cameron Highlands, pemusnahan jentera-jentera dan pembunuhan anggota pasukan keselamatan dan pekerja-pekerja lebuhraya Jalan Timur-Barat, bendera-bendera yang terdapat di beberapa tempat, dan pagi tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita baca dalam akhbar bahawa gerombolan pengganas kominis telah bertembung dengan pasukan keselamatan di kawasan Bukit Mertajam. Tuhan yang maha kuasa telah melindungi pasukan keselamatan kita apabila seorang sahaja mendapat cedera ringan, tetapi dalam pertembungan itu pasukan keselamatan dapat membunuh dan mengamankan dua orang musuh negara.

Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan keselamatan dan saya suka mengingatkan orang ramai bahawa pengganas kominis dengan kunci-kunci mereka sentiasa mencari peluang untuk merosakkan keamanan dan ketenteraman negara. Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berterima kasih bahawa adanya undang-undang ini untuk melindungi keselamatan negara. Yang sebenarnya undang-undang ini sangat dibenci oleh mereka yang berniat hendak mengancam atau menjahanamkan keselamatan negara. Saya berharap Ahli Yang

Berhormat dari Kota Melaka tidak termasuk dalam golongan orang yang bencikan undang-undang ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan tadi bahawa jumlah orang yang ditahan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri ialah 297 orang. Semua ini ada di Semenanjung Malaysia sahaja atau termasuk Sabah dan Sarawak?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri ini dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia.

BEKALAN AIR/LETRIK KAMPUNG BARU PUCHONG

8. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau akan menimbang memberi bekalan air dan letrik, dan mengadakan jalan berturap minyak tar kepada Kampung Baru Tambahan Batu 14 Puchong, dan jika ya, bila.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan Kementerian ini ada sebuah kampung baru di batu 14 Puchong yang mempunyai jumlah penduduk-penduduk seramai 700 keluarga. Kampung baru ini mengandungi bekalan air dan letrik dan juga ada jalan berturap minyak tar.

Berhubung dengan kampung baru tambahan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu jika kawasan tersebut termasuk di dalam Kampung Baru Batu 14 Puchong maka Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sesuai untuk menyiasat dan mengatasi masalah tersebut.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Kampung Baru Tambahan Batu 14 Puchong adalah berhampiran dengan Kampung Baru Batu 14 Puchong. Di Kampung Baru Tambahan Batu 14 Puchong ada mempunyai penduduk-penduduk berbilang bangsa iaitu orang Melayu, India dan orang China dan keadaan di sana

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat hendak bertanya? Yang Berhormat bersyarah (debate). Kalau hendak bertanya, boleh.

Tuan Oh Keng Seng: Keadaan di situ sangat buruk, tidak ada bekalan api dan air dan jalan-jalan pun seperti padang pasir.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bertanya. Ini bersyarah sahaja. Dalam masa soal-jawab tidak boleh bersyarah, tetapi boleh bertanya, seperti bolehkah dimasukkan api letrik dan sebagainya. Kalau begitu, boleh!

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya, adakah Kerajaan mengadakan rancangan untuk mengatasi masalah-masalah di Kampung Baru Tambahan Puchong?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, macam itu boleh.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Sebenarnya kawasan Kampung Baru Tambahan Puchong itu adalah di luar pengetahuan Kementerian ini. Oleh sebab itu, saya telah menjawab bahawa sekiranya Kampung Baru Tambahan Puchong itu termasuk dalam kawasan Kampung Baru Batu 14 Puchong, maka Kementerian ini akan mengambil perhatian.

KEJADIAN JENAYAH

9. Datuk Albert Mah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandang bahawa boleh dikatakan orang ramai sedang menghadapi kejadian jenayah yang makin bertambah, berapa kes jenayah itu masih belum diselesaikan. Ini menunjukkan Pasukan Polis kurang berhasil. Sila beritahu apakah langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan kedudukan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang menyatakan bahawa Pasukan Polis kurang berhasil dalam menghadapi kejadian jenayah, izinkan saya memberi data-data jenayah bagi tahun 1967, 1968, 1969 dan dibandingkan dengan tahun 1973.

	1967	1968	1969	1973
Pembunuhan ...	167	161	285	127
Rompakan Ge- rombolan ...	301	284	136	164
Rompakan ...	1876	1977	1327	1404

Peras Ugut	...	870	984	676	386
Pecah Rumah &					
Curi	...	8464	8507	7525	8352

Jadi nyatalah dalam keadaan ini, kalau ditengok keseluruhannya, keadaan adalah lebih buruk dalam tahun 1967, 1968 dan 1969; kalau saya tidak lupa waktu itu Ahli Yang Berhormat masih lagi menjadi pegawai polis, keadaan lebih buruk dibandingkan daripada sekarang. Jadi, saya rasa kurang tepat kalau kita perkata bahawa pasukan polis sekarang kurang berhasil.

Keadaan jenayah adalah sukar untuk dihapuskan sama sekali, tetapi pihak polis sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan dan langkah-langkah untuk mencegah berlakunya kejadian jenayah. Contohnya, Pasukan Polis Kadet di sekolah-sekolah. Ini kita mulai daripada sekolah-sekolah dengan persetujuan rakan saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan dianggotai oleh murid-murid lelaki dan perempuan, kita perluaskan kadet-kadet. Malah di Sekolah Henry Gurney (Sekolah Budak-budak Nakal), kita telah menubuhkan sebuah Pasukan Polis Kadet. Itulah caranya bagaimana orang-orang muda atau belia seperti ini didedahkan kepada undang-undang dan tugas serta tanggungjawab polis. Di kampung-kampung pula, kita galakkan polis mendekatkan orang ramai dengan polis umpamanya mendidik belia dan menyelenggarakan apa-apa pergerakan di dalam kampung. Selain dari itu anggota polis akan ditambah dari semasa ke semasa, alat-alat yang moden dan cara-cara yang moden sekarang sedang dijalankan. Jabatan Polis bergerak dan rondaan serta beat polis pun diperluaskan.

Datuk Albert Mah: Soalan tambahan. Saya suka mendengar bahawa polis telah menjalankan kerja dengan elok. Apa yang saya minta tadi ialah the percentage of cases unsolved. Tiap-tiap hari dalam suratkhbar kita terbaca jenayah-jenayah besar ada berlaku. Oleh sebab itu ramai orang susah hati.

With your permission, Sir, the question is on the unsolved serious crimes that are happening.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita dalam masa soal-jawab sahaja.

Datuk Albert Mah: Yang saya minta ialah percentage unsolved crimes tidak didapati. Itu yang saya hendak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, percentage unsolved crimes, iaitu kes jenayah masih belum diselesaikan.

Datuk Albert Mah: Pertanyaan itu tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak disoal.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat itu bertanya dalam soalan ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: It is a statement of opinion.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya: "... berapa kes jenayah itu masih belum diselesaikan."

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak berupa soalan dalam kertas itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak mahu menjawab, tidak mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bukan, kalau boleh, saya hendak jawab dengan bertulis, dengan sebab itu saya berkehendakkan notis, kerana saya baca dalam soalan itu sebagai statement of opinion rather than fact.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri akan menjawab dengan bersurat, bolehkah begitu?

Datuk Albert Mah: Boleh.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ada saya lihat beberapa kes crime yang belum diselesaikan termasuk killing of I.G.P. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri satu kemajuan atau lapuran untuk kes itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan kes itu masih dijalankan. Saya enggan menjawab soalan ini.

BURUH YANG MURAH (CHEAP LABOUR)—TAFSIRAN

10. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi tafsiran secara susunan makna "BURUH YANG MURAH" sebagaimana yang selalu digunakan oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan Menteri-menteri yang membuat lawatan keluar negeri untuk menarik penanam-penanam modal asing.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, istilah "cheap labour" ialah suatu perkataan yang relatif untuk menunjukkan bahawa gaji di Malaysia kurang mahal berbanding dengan gaji di negara-negara yang maju yang umumnya punca bagi modal asing. Istilah tersebut jarang-jarang digunakan oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan para Menteri sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

PELAJAR-PELAJAR DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

11. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula sistem kebebasan pelajar yang diamalkan di semua institusi pengajian tinggi sekarang ini; dan samada perkara tersebut termasuk dalam bidang kajian Jawatankuasa Kabinet berkenaan pelaksanaan Dasar Pelajaran.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar di institusi-institusi pelajaran tinggi adalah diberi kebebasan akademik—iaitu mereka bebas belajar apa sahaja matapelajaran yang termasuk dalam bidang pelajaran yang diikuti mereka tanpa sekatan.

Selain daripada ini Kerajaan tidak memberi kebebasan yang istimewa kepada pelajar-pelajar dan mereka tertakluk kepada undang-undang biasa yang berkuatkuasa di seluruh negara.

Kerajaan tidak bercadang menarik balik kebebasan akademik. Dari itu sistem ini tidak akan dikaji oleh Jawatankuasa Menteri yang mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Menteri akan mengkaji samada pelaksanaan dasar pelajaran di peringkat institusi-institusi

pelajaran tinggi keseluruhannya sudah dan dapat mengujudkan satu masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.

SEKOLAH MENENGAH PARIT BUNTAR/BALIK PULAU—PEMULAUAN MURID

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab, kejadian-kejadian dan akibat-akibat pemulauan (pemboikotan) pelajaran oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Parit Buntar dan Sekolah Menengah Balik Pulau, Pulau Pinang, pada awal bulan Oktober, 1974.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut lapuran yang saya terima kejadian pemulauan oleh murid-murid Sekolah Menengah Parit Buntar dan Sekolah Menengah Balik Pulau, Pulau Pinang mungkin berpunca daripada salah faham di antara murid-murid dan pihak pentadbir sekolah-sekolah tersebut. Di waktu ini siasatan masih dijalankan.

Akibat langsung daripada pemulauan ini ialah murid-murid telah kerugian banyak masa belajar.

Selain daripada itu pemulauan yang seperti ini mungkin membawa kepada peristiwa-peristiwa yang sama di lain-lain institusi pelajaran dan sekolah-sekolah apabila sahaja timbul keadaan salah faham antara mana-mana pihak. Jika ini berlaku maka kesannya ialah perbelanjaan daripada duit rakyat yang begitu banyak akan menjadi sia-sia sahaja.

GURU-GURU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA)—LATIHAN

13. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau berniat membuka balik kursus latihan guru-guru dengan Bahasa China sebagai bahasa pengantar supaya membolehkan mereka mahir dalam Bahasa China dengan tujuan meninggikan atau sekurang-kurangnya mempertahankan mutu Bahasa China semasa mereka mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China), jika ada, nyatakan butir-butir lanjut mengenai kursus itu dan jika tidak, mengapa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak menjalankan kursus berasingan bagi melatih guru-guru yang bakal mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China). Ini ialah kerana kursus-kursus perguruan yang dijalankan sekarang telah disusun dengan memastikan bahawa ketinggian mutu pengajaran dalam Bahasa China di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) adalah terjamin. Bagi memastikan ini, calon-calon yang diambil berkursus untuk mengajar dalam aliran Bahasa China adalah dikehendaki juga memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) mereka dikehendaki memperolehi sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa China di peringkat S.P.M. atau M.C.E.
- (b) pelatih-pelatih adalah disyaratkan lulus dalam mata-pelajaran Bahasa China untuk mendapat sijil perguruan;
- (c) mereka juga disyaratkan lulus latihan mengajar dengan menggunakan Bahasa China sebagai bahasa pengantar;

Dengan adanya kursus-kursus ini mutu Bahasa China di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (China) akan dikekalkan dan mungkin akan dikekalkan dan mungkin akan jadi lebih baik.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi Kerajaan tidak berniat membuka balik kursus latihan guru-guru dengan Bahasa China sebagai bahasa pengantar. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran bagaimanakah boleh meninggikan atau sekurang-kurangnya mempertahankan mutu Bahasa China di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mutu bahasa, kebolehan bahasa oleh seseorang guru itu bergantung kepada pelajaran bahasa itu dan bukan pelajaran mengajar di dalam bahasa itu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar rancangan susunan yang disebutkan oleh beliau tadi tidak mencukupi untuk mengeluarkan guru-guru untuk mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)? Oleh sebab itu apakah tindakan

beliau akan ambil supaya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) boleh mendapati guru-guru yang mencukupi?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada rancangan Kementerian Pelajaran ialah melebihi lagi tempat-tempat untuk memberi latihan kepada guru-guru sementara yang mana sebahagian daripadanya datang daripada aliran Bahasa China.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian atau Kementerian Pelajaran mempunyai suatu rancangan untuk membuka Maktab Perguruan China untuk mengatasi masalah ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab bahawa kita tidak akan mengadakan kursus berasingan kerana kursus yang diadakan sekarang ini adalah dianggap mencukupi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (18hb November, 1974).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah

22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. (18hb November, 1974).

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyambung ucapannya.

Perbahasan disambung semula.

3.16 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada petang semalam, saya masih menyentuh lagi tentang Majlis Hal Ehwal Ugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat masih kurang buku-buku yang dikeluarkan hari ini, buku-buku yang berjiwa ke ugamaan Islam, buku-buku yang berjiwa kerohanian. Saya contohkan sebagai satu buku yang mana saya biasa baca, sebuah buku yang dikarang oleh seorang pendita iaitu Professor HAMKA. Dengan ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan seboleh-bolehnya mengadakan satu peraduan ataupun apa cara sekalipun yang dapat mengeluarkan buku-buku yang saya sebutkan tadi. Kalaulah kita kata hendak mengadakan peraduan tentulah orang-orang yang berfikiran semacam itu harus ia tidak mahu masuk pertandingan dalam mengarang buku-buku, tetapi bolehlah juga kita beri nilai kepada orang-orang yang berkenaan—professor dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan patut diadakan satu cara untuk mencari orang-orang untuk mengadakan buku-buku yang saya sebutkan tadi.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas ucapan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri pada hari Pembukaan Pertandingan Quran di Peringkat Kebangsaan pada tahun ini, yang mana di dalam ucapan beliau telah menyatakan salah satu daripada cara kenaikan pangkat seseorang pegawai pada masa yang akan datang mestilah dipandang dari segi nilai akhlaqnya. Maka di atas ucapan yang berkenaan saya yakin akan mendapat kebaikan kepada rakyat khususnya kepada negara.

Saya menyentuh di atas soal perdagangan dan perindustrian. Kita telah mendengar ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap berkenaan dengan tepung, susu, minyak tanah dan sebagainya, kerana ini adalah benda yang menjadi keperluan kita tiap-tiap hari baikpun kaya ataupun miskin. Yang merumitkan saya tentang harga barang naik dan turun itu adalah lumrah alam yang tidak dapat kita elakkan, tetapi seperti biasa yang saya katakan dalam Dewan ini, kadang-kadang bila harga barang itu naik dengan serta-merta barangnya ada, tetapi bila harganya turun, barang itu tidak ada.

Dengan sebab itu, saya mengesyorkan supaya pengedar-pengedar ataupun pembekal-pembekal ini kita berikan keistimewaan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing. Sebab saya katakan begitu—ini sebagai contoh yang tepat—baharu-baharu ini di Perlis, di tempat saya sendiri, boleh dikatakan di mana-mana kedai yang menjual gula, gulanya tidak ada, tetapi bersyukur kepada Tuhan salah satu daripada rancangan Kerajaan ataupun Perbadanan Negeri Perlis ialah Kedai Rakyat. Kedai yang saya maksudkan tadi gulanya ada, tetapi bila sahaja orang hendak membeli, mereka tidak simpan sama sekali, bukan di kedai itu sahaja tidak ada tetapi malangnya di kedai tempat lain pun tidak ada. Maka dengan sebab itulah saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan jadikanlah Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing sebagai pengedar yang utama untuk negeri masing-masing seperti tepung, gula, susu Nestle dan sebagainya. Saya fikir ialah satu jalan untuk menolong perbadanan ini sendiri dan menolong rakyat yang mana perbadanan ini bekerja khas untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah merdeka lebih daripada 17 tahun. Boleh dikatakan kita maju. Tetapi saya dapati kereta-kereta yang kita naiki termasuk Tuan Yang di-Pertua dan saya sendiri adalah kereta yang tidak begitu baik, tidak ada satu pun jenis kereta yang dibuat dalam Malaysia sendiri yang ada hanya daripada Italy, Germany dan akhir-akhir ini yang banyak sangat ialah daripada negeri Jepun. Mereka ini berbadan seperti kita dan segala-galanya seperti kita juga. Kalau hendak kata pada segi sopan santun rakyat Malaysia ini lebih lagi sopan santunnya. Tetapi sayangnya,

perindustrian-perindustrian yang saya sebutkan tadi tidak satu pun ada di dalam Malaysia. Jadi, memandangkan bahawa kita ini sudah lama merdeka, maka saya berpendapat, kalaulah kita tidak boleh buat kereta Mercedes atau kereta yang lebih baik sekalipun, eloklah juga kita mengadakan kilang membuat motosikal atau sebagainya di Malaysia kita sendiri, dan dengan jalan ini bolehlah kita menggunakan bahan-bahan yang ada dalam negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebutkan berkenaan perdagangan, teringat saya kepada kedudukan getah yang selalu dicakapkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Harga getah sudah turun. Ini juga keadaan alam. Saya rasa sedih bagi pekebun-pekebun kecil kerana harga getah terlampau murah. Apa yang saya maksudkan ialah kalau getah No. 5 berharga 50 sen samada kebun besar atau estet, maka getah-getah di dalam kebun kecil tidak ada nilai langsung, bahkan getah yang sama daripada pekebun kecil tetapi diberi nilai yang cukup rendah kepada pembeli-pembelinya. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan agar sedaya-upaya mengikhtirakan supaya biarlah getah pekebun-pekebun kecil ini walaupun harganya turun, tetapi disaibandingkan dengan getah-getah estet dan tempat-tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang Jabatan Kerja Raya. Kita sama-sama maklum yang mana disebutkan oleh Menteri bahawa jalan-jalanraya telah dibesarkan termasuk Lebuhraya dan sebagainya. Tetapi, apabila banyak jalanraya, banyak kemajuan, maka banyaklah pula kemalangan. Dengan sebab itu, saya berharap seboleh-bolehnya kepada Kementerian yang berkenaan tentang hukuman-hukuman kepada pembawa-pembawa kenderaan yang besar ataupun kecil, biarlah kita hadkan kepada kenderaan-kenderaan tersebut. Sebagaimana kita tahu lori yang memakai trailer apabila bertempur atau berlanggar depan sama depan, kita rasa amatlah sedih, kerana ada di antaranya menggunakan lampu sangat tinggi, dan kadang-kadang menggunakan jalan itu sampai $\frac{3}{4}$ seolah-olah dia sahaja yang berhak. Jadi kalaulah berlaku satu-satu kemalangan, bukanlah disebabkan kecuaiannya, kadang-kadang walaupun kita cermat sekalipun, tetapi bila ada satu golongan yang lain yang tidak begitu cermat, apatah lagi kenderaan-kenderaan yang besar

kalau dia tempoh orang, dia yang menyebabkan kemalangan ataupun yang kecil cuba mengelakkannya sekalipun, maka dialah juga akan mendapat kemenangan. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan sepatutnya berhati-hati untuk memberi permit, untuk memberi kebenaran jalan ataupun mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut kenderaan-kenderaan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhabit dengan jalanraya juga, di Perlis sebuah Negeri yang amat kecil, peruntukannya pun kecil dan pendapatannya pun kecil. Hari ini saya dapat tahu rancangan jalan "D" kalau tidak silap saya, Kerajaan Persekutuan telah memberi peruntukan sebanyak \$175,000 setahun. Dengan peruntukan \$175,000 setahun itu jalan-jalan selalu sahaja tergendala, tidak dapat hendak dibuat disebabkan amat sedikit. Dengan sebab itu, saya merayu pada Kerajaan ataupun kepada Kementerian yang berkenaan agar peruntukan ini ditambahkan lagi kepada Negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan pertanian. Boleh dikatakan rakyat Malaysia ini kebanyakannya terdiri daripada penduduk luar bandar dan mata pencariannya ialah pertanian. Setakat ini, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil berat di atas hal pertanian sebagaimana Rancangan Muda di Kedah dan Perlis, tetapi malangnya (Pengerusinya ada di hadapan saya hari ini) Rancangan Muda ini ialah sekerat bagi Negeri Perlis. Negeri Perlis ini ada dua kawasan. Satu utara dan satu lagi selatan, ataupun satu Kangar dan satu lagi Arau. Tetapi Rancangan Muda ini yang dapat kebaikan ialah untuk rakyat bagi Perlis Selatan termasuk rakyat Negeri Kedah. Bagi rakyat Perlis utara, rancangan ini boleh dikatakan tidak mendapat apa-apa. Dengan sebab itu, saya syor kepada Kerajaan supaya menambahkan lagi rancangan ini khususnya kepada rakyat Perlis Utara. Kalau boleh diadakan satu rancangan perairan, saya fikir buat tangki atau sebagainya untuk dapat membuat bendang yang lebih daripada dua kali ataupun tiga kali setahun. Sebab saya katakan begitu memandangkan kepada alam kita yang bertambah maju, yang mana rakyatnya bertambah banyak sebagaimana kata Menteri Pelajaran tadi, kalau 10 tahun dahulu kita tahu kita ada guru-guru seramai 10,000 tetapi hari ini ada kira-kira 70,000

orang. Begitulah pesatnya kedudukan rakyat. Begitu juga rumah, kalau dahulu kita tengok ada satu dua tingkat kita rasa sudah tinggi, tetapi hari ini ada 17 tingkat seperti Dewan Parlimen ini.

Bagi pertanian begitu juga, kalau dahulu kita buat bendang sekali setahun, hari ini kita cuba buat dua kali, kalau boleh dan saya berharap kepada Kementerian supaya berikhtiar mencari jalan agar dapat dibuat bendang sekurang-kurangnya setahun tiga kali. Carilah benih padi yang sesuai, kerana tanah kita tidak bertambah. Seperti Negeri Perlis walau berapa keturunan sekalipun tetap luasnya 310 atau 316 batu persegi, tetapi penduduknya tetap akan bertambah berlipat ganda walaupun dibuat Perancang Keluarga dan sebagainya. Jadi tidak ada jalan lain bagi tanah yang seekar itu, melainkan dibuatkanlah beberapa kali ganda untuk mendapatkan pendapatan yang lebih banyak.

Di dalam Kementerian ini juga, saya suka sentuh berkenaan dengan Rancangan Desa Usaha (R.D.U.) dalam Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa, yang mana rancangan ini telah dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Ekonomi Desa, lebih tepat saya katakan dalam Bahagian KEMAS ataupun Kelas Dewasa di masa lepas. Rancangan ini boleh dikatakan mendapat sambutan dari orang ramai, tetapi mendapat kurang keistimewaan sedikit kerana peruntukannya tidak begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan dengan terus-terang, sebagai seorang bekas Penyelia KEMAS 10 tahun yang lepas, saya sangat bersimpati kepada kedudukan kawan-kawan yang senasib dengan saya di masa yang lepas. Walaupun begitu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana elaun mereka telah dinaikkan dari tahun yang lepas. Apa yang sedihnya ialah tentang kedudukan guru-guru ini; daripada mula iaitu bulan Jun, 1961 hingga hari ini tahun 1974 sudah dekat 14 tahun, elaun guru-guru KEMAS pada satu jam ialah \$4, tetapi sampai pada tahun 1974 elaun guru yang berkenaan masih lagi \$4 juga.

Saya berpendapat memandangkan keadaan alam yang segala-galanya kita naikan, kedudukan guru-guru KEMAS ataupun Pegawai Pemaju Kampung juga patut dinaikkan. Satu lagi dalam jabatan ini setahu

saya sekarang telah diubah rancangannya mengikut keadaan, dibanyakkan kelas-kelas makenik dan sebagainya. Walaupun ada guru-guru sekarang berkelulusan universiti dan sebagainya, tetapi kerana kita memandang guru T.U.O.S. sudah lama berkhidmat dan kita tidak buang, kita berikan latihan kepada mereka dan sebagainya. Maka saya menarik perhatian Kementerian yang berkenaan kepada Pemaju-pemaju Kampung atau guru-guru KEMAS yang asal, cubalah kita ikhtiarkan beri berbagai-bagai latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keadaan zaman dan janganlah terburu-buru kita buang orang yang menjadi akar-tunjang untuk memajukan di kelas KEMAS ataupun rancangan yang sedang dijalankan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan buruh. Saya sendiri apabila mendengar cerita daripada setengah pekerja-pekerja ataupun buruh-buruh mereka menyatakan gaji kami daripada dahulu \$150, tetapi zaman merdeka ini, zaman serba naik, gaji kami tetap \$150 dan ditambah dengan Elaun Khas \$30 jadilah \$180. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang kampung yang saya tahu mereka ini, saya berharap kepada Kerajaan kalau boleh menaikkan gaji mereka ini agar berpatutan dengan keadaan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba merengaskan ucapan saya seberapa yang boleh. Kita selalu mendengar di dalam ucapan hari-hari Kemerdekaan dan Hari-hari Raya dan sebagainya yang mendapat sanjungan ialah Pegawai-pegawai Keamanan, baik Polis dan Tentera. Jadi kita sama-sama yakin dan percaya Pegawai-pegawai Keamanan, Pertahanan Polis dan Tentera yang saya maksudkan tadi, mereka sebagai benteng untuk mempertahankan tanahair kita dan untuk mempertahankan keselamatan pada kita sendiri. Saya mendapat tahu daripada anggota-anggota Polis apatah lagi yang berpangkat rendah, gaji mereka sangat murah kalau hendak dibandingkan dengan tugasnya berhujan dan berpanas seperti Polis Trafik dan sebagainya. Kalau hendak dikaji dari segi gajinya amatlah murah, padahal ada juga daripada Pegawai-pegawai yang berkenaan baikpun Polis ataupun Askar kelulusan mereka boleh dikatakan tinggi pada hari ini, tetapi oleh sebab tidak ada kerja lain yang patut mereka kerja, maka mereka terpaksa mengambil jawatan Polis

Biasa ataupun Askar. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan untuk menimbangkan semula dan menaikkan gaji mereka baikpun Polis ataupun Ahli-ahli Pertahanan termasuk Askar, Askar Wataniah dan sebagainya. Satu lagi saya merasa anih ialah tentang pakaian Polis, kata mereka kami diberi pakaian yang telah siap yang dibuat oleh kontrektor. Padan atau tidak itulah pakaian kami, kadang-kadang tidak sesuai oleh sebab manusia ini ada yang besar dan ada yang kecil. Walaupun pada anggaran kasar yang tinggi tidak lebih daripada 6 kaki dan yang rendah tingginya tidak lebih 4 kaki, jadi tentulah tidak sama. Bila hendak dipakai tidak begitu sesuai oleh kerana anggota Polis berkehendakan pakaian yang kemas dan teratur terpaksalah pakaian itu dibuat semula ataupun diperbaiki. Ini mengeluarkan belanja tidak kurang daripada \$6. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan kalau boleh beri peruntukan khas kepada mereka yang berpatutan dan bersesuaian dengan pakaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan terima kasih kepada FELDA yang mana seperti biasa saya katakan telah membuat banyak rancangan untuk kebaikan rakyat. Walaupun getah hari ini murah, tetapi kerana rancangan itu teratur, maka menambahkan kebaikan kepada rakyat. Bukan sekadar itu sahaja, bila Kerajaan mengadakan FELDA termasuk getah, tebu, terutama di Perlis FELDA telah mengadakan rancangan tebu yang mana lebih baik daripada rancangan tebu yang dianjurkan oleh kompeni. Dengan adanya rancangan ini akan menambahkan pendapatan rakyat dan menghilangkan anasir-anasir komunis. Sebab saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, hutan yang ditebas dan ditebang baru menjadi rancangan FELDA yang mana kerap kali komunis yang kita tahu datangnya daripada dalam hutan. Walaupun ada yang datang dari kawasan lain, itu kita tidak tahu, tetapi yang berlaku terbitnya daripada hutan barulah datang ke tempat pertempuran. Oleh itu, saya berharap kepada negeri-negeri yang luas terutama, Pahang, Johor dan Perak, banyakkannya rancangan-rancangan yang berkenaan. Saya yakin kalau tidak mencukupi orang, rakyat Perlis sanggup pergi bersama, walaupun Perlis negerinya kecil kalau hendak dibandingkan peratus penduduknya saya ingat lebih ramai daripada negeri lain.

Berkenaan dengan pelajaran kita ucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan yang akan membuat satu rancangan pada tahun 1975, kalau tidak silap saya, mengadakan satu aliran iaitu Bahasa Kebangsaan. Tidak seperti yang lepas ada jenis kebangsaan dan sebagainya. Apa yang kedapatan di negeri saya sendiri di Perlis, ada satu sekolah yang namanya Kangar English School. Kebanyakan daripada anak-anak orang kenamaan, anak-anak orang kaya, mereka bertumpu-tumpu menghantar ke sekolah yang tersebut. Walaupun mereka sudah yakin yang satu ketika Bahasa Kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi. Mengapakah keadaan yang demikian berlaku? Mengikut pendapat saya kerana mereka yakin di sekolah yang seperti ini segala alatannya cukup dan serba-serbi cukup. Apatah lagi manusia kita ini kadang-kadang ada pandang-memandang. Kalau dia tengok satu-satu sekolah itu terdiri daripada anak-anak orang kenamaan, anak-anak orang hartawan dan sebagainya, kemudahan dan sebagainya diutamakan. Maka dengan sebab itu, saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan pada tahun yang akan datang biarlah murid-murid atau pelajar-pelajar yang akan masuk sekolah dia tidak boleh masuk sekolah lain, tetapi di tempat yang dia tinggal, kecuali keadaan tidak dapat dielakkan. Ini untuk menyamaratakan segenap golongan rakyat yang ada di tanah air kita.

3.38 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 12hb baru-baru ini.

Sebelum perkara ini dibentangkan, saya telah disoal oleh sebahagian orang ramai bagaimana Budget tahun ini. Kata saya, mana saya tahu; saya pun belum angkat sumpah, padahal waktu itu belum lagi sampai ke peringkat kita mengangkat sumpah. Mereka sangka yang bukan-bukan, tetapi apabila sudah diumumkan, barulah mereka yakin yang Kerajaan Barisan Nasional ialah sebuah Kerajaan yang memang adil. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Sungguhpun beliau baru mengambil-alih

perkara ini, tetapi menunjukkan yang beliau seorang yang capable iaitu seorang yang berkebolehan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersyukur kepada Tuhan yang perjuangan Wanita UMNO selama ini telahpun boleh dikatakan berjaya. Yang pertama, tentang gaji sama lelaki-perempuan yang bekerja; yang kedua saraan nafkah balu dan anak-anak yatim; yang ketiga, tentang poligami walaupun masih dalam perbincangan; yang keempat mengasingkan Cukai Pendapatan suami-isteri yang bekerja. Saya rasa wanita-wanita kita tidak ragu lagi masuk menjadi ahli UMNO, khasnya pergerakan Wanita, sebab nasib mereka tidak terbiar. Begitu juga saya rasa pihak suami pun tentulah berasa ringan sedikit sebab Cukai Pendapatan isteri mereka telah diasingkan. Tuan Yang di-Pertua, kita semua wanita berjuang tidak peduli apa jenis kaum dan keturunan dan ugama asalkan wanita termasuklah.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan di zaman inflasi dan stagflasi ini beliau hanya menaikkan cukai kepada orang-orang kaya sahaja, yang berpendapatan rendah memang tiada terlibat. Tentang kenaikan cukai rokok, minuman keras dan judi ini, biarlah. Kalau siapa hendak menghisap rokok, minum dan hendak main judi, mainlah seberapa banyak yang mereka suka. Ini bukan kita yang melarat, mereka yang juga melarat. Kalau hendak mendapat penyakit cancer, batuk kering, sakit jantung, mereka juga yang merasa. Kepada mereka yang beragama Islam, mereka memang tahu yang ketiga-tiga benda ini memang salah dan ditegah di sisi undang-undang Islam. Kalau mereka hendak buat, terpulang kepada mereka. Kalau mereka tinggalkan ketiga-tiga barang yang saya sebutkan itu memang baik. Kalau pula kita tidak makan nasi, tidak makan gula dan susu, ini pada pendapat saya tentulah mengurangkan tenaga untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun cukai-cukai yang saya sebutkan tadi menasabah; ada juga sungutan daripada penonggang-penonggang motosikal, mereka itu berkata: Kenapa cukai dinaikkan, mereka hanya orang-orang yang berpendapatan rendah—maktumlah naik motor sahaja. Saya harap akan mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh di dalam perkara yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi, memandang kepada pemaju-pemaju kampung iaitu guru-guru KEMAS kerana selama ini mereka hanya mendapat \$4 sahaja sejam walaupun mereka benar-benar bekerja, bertugas di luar bandar, membanyakkan barang-barang makanan, ternakan dan lain-lain jurusan kelas latihan kerja. Saya tahu sebab saya seorang daripada Penyelia KEMAS, yang dahulunya bertahun-tahun susah hendak membanyakkan kelas-kelas KEMAS, kata pegawai saya sendiri iaitu peruntukan tidak mencukupi. Maka dengan ini saya menyokong supaya diberi lagi peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Desa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang kepada J.K.K. (Jawatankuasa Kemajuan Kampung) iaitu sebuah jawatankuasa yang mana diadakan di kampung-kampung diberikan sedikit elaun memandangkan mereka bermesyuarat pada tiap-tiap bulan sekali.

Berkenaan dengan Kementerian Kebajikan Am ini sangatlah mustahak, kerana Kementerian ini menerima rakyat yang memang boleh dikatakan dhaif, otak tidak centre dan kanak-kanak yang nakal, orang-orang tua yang tidak boleh membuat apa-apa, yang cacat pula dan ini memanglah tanggungjawab Kementerian Kebajikan Am. Pada pendapat saya, orang-orang tua sudahlah tua, tidak apa, yang cacat pun pada pendapat saya tidak apa juga, tetapi yang saya pentingkan ialah kanak-kanak yang berumur belasan tahun. Pada pendapat saya, kita boleh kurangkan iaitu ada satu daripada beberapa syarat. Salah satu syaratnya ialah suami-isteri, kalau boleh, jangan bercerai-berai, salah satu punca anak-anak ini menjadi sedemikian ialah kehilangan ibu-bapa. Kalau mati tidak apa, ibu ada, bapa pun ada, tetapi kanak-kanak ini tertinggal di dalam keloh-kesah yang mana ibu-bapa mereka ini terasing daripada mereka. Saya berkata demikian dengan sebab saya seorang ibu dan saya tahu ibu-ibu itulah guru yang pertama di tiap-tiap rumah dan saya juga seorang penasihat Mahkamah Kanak-kanak yang selalu menghadapi kes-kes kanak-kanak ini. Kadang-kadang sedih tidak tertahan bertaburan airmata melihat kanak-kanak

yang kecil ini pandai mencuri dan pandai bercakap bohong, ini adalah punca yang kami tidak dapat berdekatan dengan kedua ibu-bapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah sedikit kepada Kementerian Kebajikan Am supaya di dalam sekolah-sekolah yang kita akan tempatkan kanak-kanak ini diadakan guru-guru vocational yang berkemahiran. Kalau kanak-kanak ini dari segi academic tidak begitu baik, mereka patutlah diajar kerja-kerja tangan yang mereka akan menjadi seorang rakyat yang berguna di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan di atas beberapa perkara. Yang pertama, kontraktor-kontraktor; kedua, bangunan; ketiga, letrik dan airpaip.

Tentang kontraktor-kontraktor ini banyak terdapat kontraktor-kontraktor membuat kerja mereka kadang-kadang membaiki madrasah, titi dan sebagainya ataupun pembahagian tanah merah. Katalah di satu-satu kampung, kalau masa orang di situ waktu sebok baru hendak dibawa tanah merah itu di sana, kalau mereka itu masa lapang kontraktor-kontraktor ini tidak buat apa-apa, tidak membawa benda-benda itu di sana, masa hujan, baru hendak dibawa. Kita faham orang-orang kampung itu adalah golongan-golongan yang bekerja. Masa menanam, masa mengambil padi tentu masa ini sangat sibok.

Tentang membuat bangunan pula, katalah, mendirikan sekolah atau masjid. Setelah beberapa lama dikeluarkan tender tetapi bangunan-bangunan sengaja dilambat-lambatkan. Berkenaan dengan jalan-jalan raya, selepas dikorek bukan main lama hendak ditimbus balik sehingga berminggu-minggu dan mengganggu lalulintas.

Tuan Yang di-Pertua, ada pula di satu kampung di tempat saya di sana yang mana masjid telah dibuat dengan cantik, tetapi tandas tidak dibuat. Bukankah tandas ini mustahak? Katalah, kalau jemaah sakit perut bukankah susah? Saya berpendapat jika sekiranya peruntukan masjid dibuat hendaklah diselesaikan dengan tandas-tandas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Jabatan atau Kementerian ini dapat mengambil perhatian dan memberikan tambahan per-

untukan untuk membuat tandas-tandas. Sebagaimana yang saya telah pohonkan tempoh hari ialah bekalan lampu letrik yang mana saya harap kampung-kampung yang telah dipasangkan wire tetapi tidak dapat diberikan api letrik, kampung-kampung inilah patut diluluskan dan kampung-kampung yang tidak ada lagi bekalan api letrik ini patutlah diberikan peruntukan. Kasihan mereka duduk di dalam gelap tidak seperti kita di dalam bandar.

Begitu juga airpaip. Ada kampung-kampung yang hanya mendapat satu stand-pipe iaitu digunakan oleh beberapa banyak manusia. Tetapi pada pendapat saya kalau ditambahkan lagi stand-pipe ini eloklah bagi mereka mengambil air minum. Saya tahu Kerajaan tidak menggalakkan stand-pipe ini oleh kerana membazir air, tetapi orang-orang yang tidak ada main pipe untuk disambungkan ke rumah-rumah mereka, kalau diberi stand-pipe ini amatlah berterima kasih. Saya tahu banyak kampung-kampung yang begitu. Saya harap bekalan air paip ini boleh diberikan dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bil-bil air paip. Di Kedah bil-bil itu dibuat dua bulan sekali dan bacaan-bacaan meter pun sampai dua bulan sekali. Ini amatlah menyusahkan rakyat maklumlah bila wang itu ditapak-tapak dan dibebankan sebegitu banyak, itu tentulah rakyat susah membayarnya. Kita patutlah contohkan kepada Lembaga Letrik Negara yang mana bil-bil letrik itu tiap-tiap bulan dan selepas daripada lima hari jika tidak dibayarkan bil-bil itu akan dipotong elektrik. Maka dengan secara ini, saya ingat lebih baik supaya rakyat selalu di dalam perhatian dan tidak mereka itu digalakkan berhutang bertambah-tambah.

Saya suka juga menyentuh ucapan rakan saya Yang Berhormat dari Kangar tentang alat-alat solek wanita. Kalau dibandingkan dengan rokok yang dihisap oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentulah banyak lagi belanja. Kalaulah kita kata membeli alat-alat solek itu bukan dibelikan pada tiap-tiap hari, kalau rokok tiap-tiap hari hendak dibeli, hisap sehari, hisap sekejap, sekejap habis, tetapi alat-alat solek untuk suri rumahtangga setahun sekali pun boleh kita beli, atau kepada yang memakai banyak sangat itu

enam bulan sekali pun jadilah. Jadi sebagai-mana kata Yang Berhormat tadi amatlah menyedihkan kepada wanita. Mengapa? Kalau wanita-wanita ini tidak bersolek, tidak memakai air wangi dan cantik-cantik, apa kata orang lelaki pula, tak tahulah pula duduk di rumah. Itu adalah pendapat saya tentang alat-alat solek. Ini bukanlah satu perkara yang berat. Kalau Yang Berhormat tadi suka isterinya cantik-molek, belilah alat-alat solek dan tinggalkanlah rokok. Pada pendapat saya alat-alat solek ini tentulah perlu bagi kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyentuh sedikit tentang Kawasan Sungai Petani yang mana tidak ada mempunyai pusat untuk membaharui lesen-lesen kereta yang mana sekarang ini ada satu sahaja di Alor Star. Memandangkan perkara ini sampai banyak penukar-penukar lesen itu hendak ke Alor Star, sampai tiga hari berbaris di sana, ada yang berkelahi, ada yang bertumbuk, ada yang jatuh. Saya harap pihak Kerajaan akan mengambil perhatian membuatkan satu pusat berkenaan dengan perkara ini di Sungai Petani, dan pada pendapat saya Sungai Petani adalah satu bandar yanguduknya di tengah-tengah. Kalau orang dari Kulim atau dari Baling hendak menukarkan lesen-lesen motor atau kereta mereka senanglah datang ke Sungai Petani. Kalau dari Baling, tambang pun tidak begitu mahal bagi orang-orang dari Kulim dan Baling, sebab tambang itu adalah per-tengahan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

3.44 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun adalah menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 ini seperti yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan ada 12hb November, 1974 dan saya mensifatkan bahawa Belanjawan tahun 1975 ini adalah satu belanjawan yang adil dan wajar. Adil maksud saya, adil kepada semua pihak terutama sekali yang berpendapatan rendah dan wajar maksud saya, adalah dengan keadaan sekarang iaitu dalam masa kita sedang menghadapi ancaman inflasi dunia.

Walaupun bagaimanapun, izinkanlah saya hendak memperkatakan satu dua perkara dalam perbincangan ini bersabit dengan masaalah-masaalah yang bersangkutan dengan getah dan penghidupan orang-orang di luar bandar. Perkara yang pertama, yang hendak saya sentuh sedikit dalam ucapan dasar Belanjawan Menteri Kewangan ada meramalkan bahawa harga getah tahun 1975 ini hitung panjangnya dalam lingkungan 130 sen sekilo ataupun 60 sen sepound ataupun 80 sen sekati. Walaupun ini hanya satu ramalan untuk menjadi panduan kepada hasil-hasil perolehan negara bagi tahun 1975 ini, tetapi inginlah saya hendak membuat sedikit sebanyak ulasan berkenaan dengan penghidupan pekebun-pekebun kecil iaitu sektor yang mengeluarkan lebih daripada separuh getah dalam negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, penghidupan pekebun-pekebun kecil sekarang ini adalah di dalam keadaan yang sangat-sangat meleset kerana kejatuhan harga getah dan kenaikan harga barang-barang keperluan di zaman inflasi ini. Terutama sekali, mereka yang menjadi buruh kepada pekebun-pekebun kecil itu sendiri dan juga kepada mereka yang hanya mengeluarkan beberapa kati getah sahaja pada sehari. Saya mendapat faham dan sebenarnya saya sendiri tahu bahawa pendapatan yang didapati oleh dua orang suami isteri yang berkerja menoreh ataupun memotong getah pada sehari sekarang ini hanya cukup untuk membeli beras bagi makanan lima atau enam orang keluarga mereka. Tidak mampu membeli ikan, gula, susu dan lain-lain barang keperluan hidup yang diperlukan oleh keluarga itu apalagi untuk membeli pakaian dan untuk belanja persekolahan anak-anak. Inilah satu gambaran yang ringkas berkenaan dengan penghidupan pekebun-pekebun kecil dalam masa kejatuhan harga getah sekarang dan dalam masa kenaikan harga barang-barang keperluan.

Memandangkan kepada keadaan penghidupan pekebun-pekebun kecil—seperti yang saya sebutkan tadi, saya mengambil peluang ini menyeru Kerajaan supaya memberikan satu perhatian yang khas bagi menolong sedikit sebanyak meringankan penghidupan pekebun-pekebun kecil dengan mengadakan rancangan jangka pendek dan kalau mustahak mengadakan rancangan jangka panjang. Jangka pendek yang saya maksudkan, saya harap Kerajaan dapat

memberikan bantuan yang segera seperti bantuan subsidi kepada barang-barang keperluan yang diperlukan oleh penghidupan keluarga pekebun-pekebun kecil itu. Kalau mustahak suatu rancangan jangka panjang yang saya rasa boleh juga menolong meringankan penderitaan hidup pekebun-pekebun kecil itu iaitu dengan mengadakan sebuah Jawatankuasa Penyelaras di antara beberapa Jabatan Kerajaan dan juga Badan-badan Berkanun yang tugas Jabatan-jabatan itu ada hubungannya dengan penghidupan pekebun-pekebun kecil dan orang-orang di luar bandar, seperti Jabatan RISDA, Jabatan FELCRA, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Perikanan, Persatuan Peladang dan lain-lain Jabatan lagi yang ada hubungannya dengan penghidupan petani-petani dan juga pekebun-pekebun kecil di luar bandar. Saya menaruh yakin dan percaya, jika suatu Jabatan Penyelaras diadakan di jabatan-jabatan tadi jika mustahak diadakan di peringkat daerah, di peringkat negeri, saya percaya bahawa Jabatan yang saya sebutkan tadi akan dapat mengadakan beberapa rancangan-rancangan yang tertentu bagi meringankan penghidupan pekebun-pekebun kecil khususnya dan orang-orang di luar bandar amnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya rasa patut dipertimbangkan oleh Kerajaan, bersabit dengan getah juga ialah masalah sistem cukai getah. Saya mendapat faham bahawa sistem cukai getah seperti iaitu, cukai eksport dan lain-lain cukai termasuk cukai tanaman semula, cukai penyelidikan dan sebagainya adalah didasarkan kepada harga getah R.S.S. No. 1 atau pun getah No. 1. Kalau harga getah No. 1 seperti yang diramalkan oleh Menteri Kewangan sepanjang tahun 1975 yang akan datang ini hetong rata \$1.30 satu kilo, 60 sen sepaun atau 80 sen sekati, maka tentulah harga getah No. 3 mungkin \$1.05 sekilo, 48 sen sepaun dan mungkin juga lebih kurang 65 sen sekati dan tentulah pula harga getah No. 5 ialah 95 sen sekilo, 40 sen sepaun dan kira-kira 55 sen sekati. Sedangkan nilai cukai getah seperti cukai eksport, cukai tanaman semula, cukai penyelidikan dan sebagainya ialah dikira atas harga getah R.S.S. No. 1 atau getah No. 1 iaitu dikira dengan harga \$1.30 sekilo. Cukai getah No. 1 dikira atas harga getah No. 1 cukai getah No. 3, No. 4 atau No. 5 pun dikira atas harga cukai getah No. 1. Inilah yang saya mendapat faham sedikit sebanyak

bersabit dengan sistem cukai getah. Kalau sekati getah ladang besar—estet maksud saya, mendapat harga 80 sen sekati, katalah cukai eksport, cukai tanaman semula dan lain-lain cukai berjumlah 20 sen, umpamanya maka getah daripada ladang yang besar atau estet itu akan menerima harga 60 sen sekati, harga getah yang mereka terima. Tetapi getah pekebun kecil yang hanya terdaya mengeluarkan getah No. 3 dengan No. 5, kalau harga getah No. 5 menurut pasarannya mendapat harga 55 sen sekati ditolak 20 sen cukai eksport, cukai tanaman semula dan lain-lain, maka pekebun kecil hanya mendapat harga pada sekati getah ialah 35 sen sahaja. Jadi ladang besar mengeluarkan getah No. 1 mendapat harga 80 sen sekati atau \$1.30 sekilo tetapi membayar cukai 20 sen pada tiap-tiap sekilo, berbanding dengan pekebun kecil yang mengeluarkan getah No. 5 dengan mendapat harga 50 sen sekati, juga membayar cukai sebanyak 20 sen pada tiap-tiap sekati. Inilah sedikit perbandingan secara kasarnya di antara cukai getah No. 1 dengan cukai getah No. 5 iaitu getah yang dihasilkan oleh pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini satu pengorbanan yang sudah lama diberikan oleh pekebun kecil, sedangkan pekebun kecil menghasilkan lebih daripada separuh getah di negara kita ini, maka saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya sistem cukai getah yang berdasarkan kepada harga getah No. 1 itu hendaklah dikaji semula supaya pekebun kecil tidak selama-lamanya berkorban terutama sekali dalam menghadapi masalah kejatuhan harga getah sekarang ini dan juga kenaikan harga barang-barang keperluan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh sedikit ialah berkenaan dengan program Kerajaan menentang ancaman inflasi. Saya ucapkan terima kasih kepada kenyataan Kerajaan dan Menteri Kewangan melalui ucapan dasar belanjawannya pada 12hb November, 1974, iaitu Kerajaan bersedia untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang menolong melaksanakan polisi Kerajaan bagi menambahkan pengeluaran makanan. Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan yang telah menzahirkan sikap Kerajaan bersabit dengan menghasilkan hasil-hasil pertanian bagi menghadapi ancaman inflasi sekarang ini.

Dalam usaha menambahkan hasil-hasil pertanian, saya selaku seorang yang datang daripada kawasan pertanian iaitu di negeri Kedah dan kebetulan pula mewakili penduduk-penduduk yang boleh dikatakan 100% adalah terdiri daripada orang-orang yang terlibat dengan pertanian, maka suka-lah saya menarik perhatian Dewan bahawa petani-petani di negara kita sekarang ini sedang menunggu-menunggu akan sesuatu yang bersifat pembaharuan dalam bidang pertanian baik pun pada sudut penghasilan pertanian dan juga dalam masalah memproses bahan-bahan pertanian serta pemasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, apa yang saya katakan bahawa petani-petani di negara kita sedang menanti-nanti sesuatu yang bersifat pembaharuan dalam sektor pertanian, marilah kita mengambil perhatian berkenaan dengan persawahan dua kali setahun. Seperti yang telah dimaklum bahawa persawahan dua kali setahun, membajak dengan menggunakan jentera, menggunakan baja dan racun-racun serangga dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan sawah adalah suatu hal yang baru, suatu yang bersifat pembaharuan dalam sektor bersawah padi di negeri kita, tetapi oleh kerana pesawah-pesawah sendiri sangat berhajat kepada pembaharuan dalam bidang menghasilkan buah padi supaya mereka mendapat perolehan yang lebih untuk meninggikan taraf hidup mereka, maka semua pembaharuan itu disambut dengan tangan terbuka dan hati yang sukacita dengan memberikan sepenuh sokongan dan kerjasama dalam bidang menghasilkan padi dua kali setahun. Ini dapat dibuktikan dengan sambutan yang diberikan oleh pesawah-pesawah dalam Rancangan Perairan Muda di Kedah/Perlis dan juga dalam Rancangan Kemubu di negeri Kelantan.

Semuanya ini, adalah bukti bahawa petani-petani di negara kita ini sedang menunggu sesuatu yang bersifat pembaharuan dalam hasil-mahsyul pertanian, pemasaran dan juga memprosesnya. Satu daripada hasil-mahsyul pertanian yang boleh ditanam dengan mudahnya di bumi kita ini dan juga boleh hidup subur, ialah cabai dan ubi keledek. Cabai dan ubi keledek ini adalah makanan semua orang, kecuali cabai sahaja yang kanak-kanak tak tahan memakannya. Dalam negeri kita, cabai dan ubi keledek

boleh hidup dengan subur walau di mana sahaja dalam negeri kita, tetapi petani-petani tidak berminat hendak menanam cabai dan ubi keledek secara besar-besaran, kerana hasil tanaman itu boleh dijual secara jua hidup ataupun jua mentah dan tiada kilang untuk memprosesnya. Harga cabai dan ubi keledek, adalah bergantung kepada banyak atau sedikitnya di dalam pasaran (market). Kalau waktu ia sedikit harganya sungguh mahal dan kita biasa membeli 3 butir (kata orang Selangor) dengan harga 10 sen kalau waktu ia mahal, tetapi kalau waktu ia murah sampai tak laku langsung cabai dan keledek ini. Dengan sebab itu petani-petani tidak berminat hendak menanam cabai atau keledek secara besar-besaran.

Setakat yang saya tahu, bahawa cabai kering yang kita makan, yang kita buat gulai hari-hari sekarang ini adalah diimport daripada luar negeri. Saya menaruh yakin dan percaya bahawa jika diadakan pembaharuan dalam perkara ini, cabai hidup diproses diadikakan cabai kering, keledek diproses dijadikan bahan-bahan makanan, maka sudah tentu petani-petani dan penanam-penanam sayur dalam negeri kita akan tertarik hati hendak menanam cabai dan keledek secara besar-besaran dan juga lain-lain jenis makanan seperti lobak dan sebagainya. Kalau ini dijalankan bukan sahaja meninggikan taraf hidup petani-petani, bukan sahaja boleh menolong kepada mengurangkan wang negara kita daripada mengalir keluar negeri bahkan juga ini adalah suatu langkah yang berkesan dalam usaha menentang ancaman inflasi di negara kita.

Sebagai contohnya, ialah ubi kayu ataupun ubi kilang (kata kami di sebelah utara). Mengapa petani-petani di negeri kita tertarik hati menanam ubi kilang banyak-banyak dan luas? Ini adalah kerana kilang memproses ubi itu ada di mana-mana dalam negeri ini. Ini adalah menjadi satu sumber penghidupan kepada orang-orang di luar bandar. Dengan sebab itu, saya menyeru kepada Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan supaya memberikan perhatian yang sewajarnya dalam bidang memproses hasil-hasil pertanian yang tak tahan lama seperti cabai, keledek, lobak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya sentuh sedikit ialah bersabit dengan inflasi dan tanda harga

kepada barang-barang keperluan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri yang berkenaan yang telah menjalankan beberapa langkah-langkah yang berkesan untuk melindungi orang ramai daripada menjadi mangsa kepada orang-orang yang tamak untuk mendapat keuntungan yang berlebih-lebihan dengan membuat alasan bahawa harga barang sekarang telah naik harga, inflasi, barang dikawal oleh Kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Dewan akan satu dua perkara di antara cara-cara yang dijalankan oleh pihak-pihak yang tertentu untuk mendapat keuntungan yang berlebih-lebihan dalam masa inflasi ini iaitu cara yang melepaskan diri mereka daripada diperangkap oleh undang-undang yang dikanunkan oleh Kerajaan. Satu daripada caranya ialah dengan membubuhkan tanda harga kepada semua barang-barang yang ada dalam kedai mereka daripada barang-barang yang dimasukkan dalam jenis barang-barang kawalan, barang-barang yang di luar kawalan, barang-barang jenis makanan hinggalah kepada jenis pakaian, barang solek dan sebagainya semua sekali dibubuh tanda harga. Kepada barang-barang yang termasuk dalam jenis barang-barang kawalan dan kepada barang-barang yang lazim dibeli oleh orang ramai harganya adalah dibubuhkan dengan harga yang betul, tetapi kepada barang-barang yang bukan barang kawalan dan bukan barang yang lazim dibeli oleh orang ramai harganya dibubuh lebih tinggi daripada yang sebenar. Kalau satu barang itu berharga \$1.20 umpamanya dibubuh tanda harganya \$1.30; \$1.40 ataupun \$1.50. Kalau orang-orang yang tertentu datang membeli ditawarkan \$1.20 akan diberilah dengan harga \$1.20 tetapi kalau orang-orang biasa terutama sekali orang-orang di luar bandar yang tak tahukan harga dan sebagainya maka alasan yang diberikan ialah tengok harga. Rokok tak boleh ditawarkan, gula tak boleh ditawarkan, minyak gas tak boleh ditawarkan, inipun tak boleh ditawarkan. Ini adalah satu alasan, satu cara yang bijak yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapat keuntungan yang berlebih-lebihan dengan beralasan kepada inflasi.

Bersabit dengan inflasi juga, ialah bayaran wang hangus. Kita biasa dengar belanja hangus kalau kahwin; kita biasa dengar

potongan ghaib, kalau jual padi, tetapi sekarang sudah ada bayaran wang hangus kepada belian barang. Belian hangus ini berlaku ialah kepada minyak tanah (kata orang selatan) atau minyak gas (kata orang utara). Caranya begini, Tuan Yang di-Pertua. Apabila seorang pekedai runcit hendak membeli minyak tanah kepada seorang pembahagi, ia hendaklah bersedia membayar sekurang-kurangnya 5 sen pada satu gelen minyak tanah. Kalau dia bersedia membayar 5 sen wang hangus, wang yang tak masuk resit—ia bayar tetapi tak tulis resit, dia akan mendapat minyak tanah sekadar yang diperlukan oleh kedainya, tetapi kalau dia tidak bersedia membayar wang hangus seperti yang saya sebutkan tadi, dia tidak akan dapat minyak, kalau dapat pun hanya setin dua untuk sebulan. Oleh kerana minyak tanah adalah satu barang yang boleh menarik minat pelanggan-pelanggan datang membeli lain-lain barang di kedainya, maka mahu tak mahu pekedai runcit terpaksa juga membayar 5 sen wang hangus bagi satu gelen minyak tanah iaitu bayaran yang tak ditulis resit. Jadi kalau satu gelen harganya 30 sen, ditulislah pada resit itu 25 sen, tetapi yang 5 sen bayaran hangus itu tidak masuk resit, itu dipanggil bayaran hangus namanya sekarang ini.

Bersabit dengan minyak tanah juga, dalam satu daerah di Kedah bernama Bendang penduduknya ada seramai 84,118 orang. Pembahagi tempatan di situ ialah pembahagi bumiputra. Ini pembahagi kecil, Tuan Yang di-Pertua. Tadi yang berkehendakkan duit belanja hangus ialah pembahagi besar, tetapi ini pembahagi kecil, pembahagi tempatan namanya. Oleh kerana pembahagi kecil di pekan Bendang ini tidak bersedia memberikan wang hangus sebanyak 5 sen pada segelen minyak tanah, maka pembahagi kecil di pekan Bendang itu pada masa ini hanya mendapat 5,400 gelen untuk selama satu bulan kepada penduduk yang berjumlah 84,118 orang. Menurut hisabnya lebih kurang peruntukan 5,400 gelen sebulan ini hanyalah cukup untuk 10 hari, yang 20 hari lagi itu tidak ada minyak. Inilah satu sebab mengapa di setengah-setengah tempat terutama sekali di sebelah utara yang minyak gas ataupun minyak tanah tidak ada ataupun mahal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menyeru kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri yang berkenaan supaya

memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh dalam masalah harga minyak, wang hangus, tanda harga yang tidak patut yang telah dijalankan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu untuk mendapatkan keuntungan yang berlebih-lebihan dalam masa inflasi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir sekali yang hendak saya sentuh sedikit ialah bersabit dengan Rancangan Perairan Muda di Kedah. Sebenarnya sepertimana saya sebutkan tadi bahawa pesawah-pesawah di negeri Kedah dan Perlis sangat-sangatlah menyambut rancangan berbendang dua kali setahun. Tetapi ada banyak lagi kawasan-kawasan dalam daerah Perairan Muda itu sendiri yang rancangan perairan belum sempurna baikpun pada segi taliair kecil, taliair besar, tandup, titi dan sebagainya. Jadi saya harap kepada Kerajaan supaya memberikan perhatian dan menambah dengan selayaknya akan peruntukan-peruntukan kepada Rancangan Perairan Muda itu.

4.22 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang dan Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, dan saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Speaking on agriculture in the country, Mr Speaker, Sir, I am inclined to mention that our Government must be really serious enough to increase food production so as to keep pace with our burgeoning population, especially in view of imminent global food shortages.

Sir, food increases arithmetically, i.e. 1, 2, 3, 4, 5, but population increases geometrically, i.e. 2, 4, 6, 8, 10. When one visualises deeper into this aspect, one could easily notice that population growth depends on that of food production, i.e. in the ratio of 2:1. Herein lies the necessity to adopt vigorous measures of increasing food production so as to avert natural calamities.

Sir, no doubt agriculture has undergone remarkable development in a comparatively short span period, as seen from the large working population of more than 60% in this sector, contributing to about 35% of our

Gross National Product. Yet the development of agriculture must continue to be given strategic importance by the Government in view of the fact that agriculture still plays a vital role in our economic growth. This could be made possible by the existence of large areas of undeveloped virgin land, natural resources, vast unexploited forest reserves and possibilities of further diversifying our agriculture. The efforts contributed must not only be confined to Government enterprises, but equally the private enterprises ought to be taken initiatives to bring about success, so as to accelerate economic growth in the country.

Sir, the structure of our agricultural sector, which remains heavily biased towards natural rubber, ought to be a case for concern and immediate remedial measures should be adopted so as not to share the same fate as some other countries. In fact, it is now more preferable that new replanting schemes be delayed temporarily and to replace rubber to produce more rice, especially making full use of our fringe alienated areas and swampy areas which exist in abundance in our country.

At the same time, other steps and research must be made to look into the poor rubber price which is now adversely affecting the poor rubber tappers who are the worst hit. As a result of world-wide poor rubber prices, many people are now looking forward to convert rubber estates into housing schemes, orchard farms, livestock industry and the like. Still, others—especially rubber dealers and smoke-house owners—are in fear that gradually their once-lucrative business will be on a dwindling profit. These groups are even more frightened of some rumours which state that all these rubber dealers and smoke-house owners will have to sell latex directly to the M.R.D.C. As such, there are many aspiring applicants who out of fear have already forwarded their applications for obtaining licences to buy latex from the smallholders and resell it directly to the M.R.D.C.

Sir, though on one hand it is a welcome move, yet on the other side of the coin the Government must also be concerned about the livelihood of these rubber dealers, especially the smoke-house owners. If really this is the case, then smoke-houses throughout the country will be forced to close and the

consequence will be really serious. As such, I hope the Government will adopt some remedial measures so that the rubber dealers as well as the smoke-house owners will still be able to carry out their normal business without undue hindrance.

Coming to food production problem in Malaysia, I say that the total amount of rice produced in Malaysia is sufficient to feed only one-third of our increasing population. Areas under padi must be expanded and more rice mills must be set up for milling and processing padi extensively and productively. Whatever may be the reasons, it is definitely a policy to depend on other countries for getting enough rice to eat: so true of our country the staple diet of whose people is rice! In this connection, the Government could also conduct comprehensive research programmes to have cheaper flour in the country. Previously many people, especially those belonging to the lower income brackets, consumed large quantities of flour, because at that time it was a cheaper and economical food. Its price has now risen 100% and it is still not cheap enough to buy flour as a substitute to rice.

Fishery in the country, I would say, is in the field of primary industry and it is playing a vital role in our country's economy in terms of income and total employment of the rural sector. Sir, the fishing industry is undergoing radical changes from one of traditional wind-driven boats to more high-powered engines driven by boats fully equipped with more productive techniques and equipment. However, Sir, I would like to urge the Government to have a balanced exploitation of our fish resources, as presently there has been over-exploitation of coastal fish stocks which cannot support the productive fishery, and there is no doubt a need to find new grounds to relieve pressures on our inshore fishery. This modern development must be encouraged widely so as to lead to the establishment of distant fishing fleets in the Eastern part of the Indian Ocean and fishing for large stocks of tuna and other varieties of fish which are now largely unexploited except by tuna boats based at Japanese ports.

Our fishermen must be equipped fully so as to prepare them to extend their operations into these open unexploited seas. The Straits of Malacca can still be exploited fully with

the mutual co-operation of Malaysia with our neighbouring countries like Indonesia. Furthermore, our fishermen must be provided with first-hand fisheries education to enable them to care, operate and maintain modern equipment. More training facilities must be provided to have a really well-trained group of fishermen. Also the authorities concerned must adopt measures to reduce undue clashes between inshore and offshore fishermen in the country.

Sir, the poverty of the fishermen has been a major obstacle to development of our fishing industry. Owing to the existence of middlemen and intermediaries for marketing or onward transmission of fish, these fishermen are never paid in full for their fish and they are placed in perpetual indebtedness. The majority of these fishermen are exploited by the fish dealers who do not pay them a fair return for their labour. There is a great need to have Fishermen's Co-operatives in a big way directly supervised by the Government to encourage them to form their own transport and marketing organisations. The major aim is to organise all the Malaysian fishermen and bring about better, profitable returns to the men who produce the fish.

Since meat is in short supply and is expensive, to meet the protein needs of the people it is essential that the Government should also give out to poor farmers' disused ponds and lakes especially in mining areas for them to breed fresh water fish. There are many poor farmers who are keen to have a go with fresh water fish farms but they are not provided with suitable inland ponds by the Government.

Talking on the problems of fishermen in the country, Mr Speaker, Sir, I wish to mention that Government must adopt remedial measures to modernise the fishing industry and to help this group to uplift themselves from the clutches of poverty caused by the high cost of living and development in the country. In developing any ports, the Government must also look into the needs and difficulties of the fishermen in the areas developed so that their livelihood would not be adversely affected.

Secondly, the Marine Police entrusted with the duty of supervising piracy and smuggling, etc. should not make unnecessary arrests thereby confiscating boats belonging to the

innocent trawler fishermen who are frugally eking out a livelihood as in the case of those fishermen in the coastal areas in Perak. It would be a better approach if they could make prior investigation before any arrest or confiscation of trawler boats are effected. In this connection, I would also urge the Government to offer more trawler licences so as to avoid unnecessary arrests by the authorities for not having licences. Any arrest or confiscation of trawler boats should not be effected unless very necessary.

Mr Speaker, Sir, touching on the fishing industry again, the Government should be commended highly for its efforts to modernise our fishing industry under the objectives of the Second Malaysia Plan, but there are still areas which resort to using or relying heavily on traditional methods of fishing. Our fishing industry cannot be considered to be highly mechanised compared to the Norwegian, British or even Japanese fishing industries. Although inland fishing seems to be making some headway recently, there is still more room for its expansion. There are also lacking, at present, artificially created lakes which could be developed for fresh water variety of fish apart from the commonly found fish ponds. Furthermore, marine fishing is restricted to coastal areas and deep sea fishing is still in its infant experimental and developmental stages. Only recently there has been a tendency to use power boats so as to compete with other countries.

Mr Speaker, Sir, I wish to refer to electricity and water supply for public utilities and amenities including rural electrification and sewerage. Here I am inclined to mention that the sum provided for such amenities is insufficient in view of the large pockets of areas in the country which are still devoid of public utilities and amenities like electrification, water supply and sewerage. These are the areas which have for long been denied the privilege to enjoy the fruits of progress and advancement in the country.

Sir, I would venture to suggest that the Government must now consider to adopt a policy where all rural areas in particular be provided with some facilities so that we could be proud to say that at least our nation is progressive and modern. Amenities such as rural electrification, piped water supply and proper sewerage are a basic necessity. There

are still many people who are forced to drink unclean water from wells, rivers and the lakes which is unsafe for drinking. In this connection, it is not sufficient to provide such amenities but the Government must see that it is cheap and directly beneficial. No doubt, there are many areas also which had once been referred to as "dark" areas but which have since been converted to cities of luring lights and havens, but the people have to face the consequence of paying higher electricity bills, water bills and the like.

Sir, for long all rural electrification programmes have been dominated by private licensees whose policy is to earn as much profit as they can. Every now and then, we hear of groans and grievances from the people who complain of higher electricity rates imposed by such private licensees. As such, I would suggest that the Government be serious enough to replace all these unscrupulous private licensees by Lembaga Letrik Negara so that all the people in every nook and corner of our country will be able to receive cheap and economical power in view of the high cost of living.

Mr Speaker, Sir, I wish to refer to the Budget speech with regard to the Operating Estimates for 1975, of which a big slice amounting to \$1,105 million out of \$4,595 million goes to the development of Education. This wise spending deserves great praise and compliment in view of the onslaught of stagflation which is gradually creeping into an already aggrieved and affected economy. The role of education in the present-day society is becoming more and more affluent and complex and thus it demands a more flexible and progressive policy aimed at bringing further developments in the educational field.

In this connection, I am gratified to note that the Government has shown great concern and initiative in providing free textbook aid with effect from the year 1975. Provision of this nature not only would help to reduce unnecessary burden on the part of parents but also, by and large, enable even the poor pupils to study hard without any hindrance. The Murad Report on the dropout rate reveals that one of the reasons as to why pupils drop out even at primary level is because they could ill-afford to buy textbooks which are a necessary ingredient, amongst other things, for better performance and

progress of the pupils. I would venture to suggest that these textbooks approved to the pupils should be provided early to enable pupils to study them without delay preferably before the end of the year, as compared to the books assistance of the Social Welfare Department which often took more than 6 months to be given to the pupils concerned. It is also my reliable understanding that all schools have been directed to use books published by Dewan Bahasa dan Pustaka as far as possible. In view of this, it would be better if the Government could also publish books for both Tamil and Chinese-medium schools which at present are grossly lacking. All school syllabus should also be revised so as to keep abreast with the rapid changes and development undergoing in the educational field.

Again the provision of free scholarships, free aids and loans must only be administered on merits, i.e. to those who possess the aptitude and qualifications to pursue higher studies academically and technically, especially to the poor, needy but bright pupils who have been for long left in the dark. In the light of these circumstances, I would also venture to suggest that the Government must give top priority to the setting up of public libraries at both District and State levels, so that this would provide as a source for storing knowledge resulting in better performance of the pupils at large in view of the education system becoming more complex in the recent years.

I would urge the Government to set up immediately student councillors who would be able to provide expert and fatherly advice and information as to the adverse effects of drug addiction and the unclean habit of modern teenage pupils which is now posing a social menace detrimental to the State and well-being of the pupils.

Speaking of the per capita grant provided to all schools, I am inclined to mention that this grant is now overdue for some upward revision in view of greater demand for better facilities and amenities in schools now. As such, it is requested that the Government consider to increase the per capita grant to the schools. Here, I would caution the authorities to conduct informal and sudden checks to see that these per capita grants

provided to these schools are effectively channelled for the improvement and welfare of the pupils and schools at large.

Furthermore, the Government must try to set up, if possible, more vocational schools, so that the various technical and apprenticeship training programmes in the country can be expanded to provide a large range of trained personnel for industrial organisations. However, I would like to urge the Government to seriously consider utilising these large allocations provided for the development of education in the country both beneficially and efficiently so as not to produce educational wastage.

Expenditure, Sir, on any provisions—may be building of new school facilities and amenities and the like—must be spent only where the need and urgency is greater. Expenses or preference on less priority schemes must be delayed temporarily so as to give way for immediate aspects of development. In this connection, I would appreciate if the Government would no longer force Mission schools to close their secondary sections so as to give way for fully-aided national schools. This is not only a mere waste of public funds but also, by and large, an unhealthy educational wastage because not only the classrooms are left unused but also other buildings such as science laboratories, home science laboratories, and the like would be just a mere showpiece for the schools. A case in point is the Methodist English School in my area which has been directed to be closed; and thus its secondary section with numerous classrooms including the new home science laboratory has become a dwelling place for cobwebs and rats. Instances of such unfavourable nature must be rectified so as to bring about a healthy state in the administration of schools and in the progress of education in the country.

4.44 p.m.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbendaharaan, 1975 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Niat dan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional ialah hendak menguat dan memperkukuhkan ekonomi dan kestabilan kewangan negara. Rakyat harus mengalu-alukan hasrat ini.

Di samping mengkaji dengan mendalam ucapan tersebut yang menjadi dasar Kerajaan, saya terbaca berita dan hasil-hasil daripada suatu persidangan yang terbesar di dunia dianjurkan oleh badan dunia iaitu Bangsa-bangsa Bersatu di Rome; Persidangan Makanan Sedunia Bangsa-bangsa Bersatu. Dunia hari ini menghadapi kelaparan, mulut yang banyak, tetapi makanan sedikit. 460,000 juta manusia daripada seluruh negara di dalam dunia tergugat dengan kekurangan makanan tegasnya kelaparan, dan 10 juta anak-anak di bawah umur 5 tahun mati kelaparan. Ini ialah kenyataan daripada sidang dunia itu.

Di dalam berita hari ini, kelahiran anak telah meningkat daripada setahun ke setahun Malaysia akan mempunyai bilangan penduduk yang lebih banyak dalam masa 10 tahun ke hadapan. Kalau tiap-tiap hari tajuk-tajuk akhbar dan majallah dunia memuatkan berita yang menusukkan hati, kisah kematian kerana lapar, berita pembunuhan kerana kemiskinan, perkara pergaduhan disebabkan tidak ada beras atau gandum, maka babak-babak yang demikian gerun itu belum lagi tersingkap di ambang pintu orang-orang Malaysia. Walaupun ada juga terjadi kelaparan di daerah-daerah pedalaman, tetapi kalau dibanding dengan keadaan-keadaan di negara ini, Malaysia masih dianggapkan syurga di segi makanan. Mungkin Belanjawan Tahun 1975 yang dibentang dan dibahaskan ini merupakan satu anggaran yang diasaskan kepada kejadian kemelesetan dunia dan keadaan-keadaan keupayaan dalam negara kita sendiri, hanya dengan perancangan yang bijak dilakukan oleh bapak-bapak pemimpin kita akan menyelamatkan rakyat Malaysia daripada menjadi mangsa kelaparan dunia zaman ini. Harus beberapa faktor kejadian-kejadian di masa yang lalu menjadi asas kenyataan Kerajaan di dalam membelanjakan sebarang wang rakyat bukan hanya manis patut diharapkan oleh rakyat, tetapi yang pahit hendaklah diawasi supaya jangan menghampiri.

Tahun 1975 adalah diharap menjadi satu tahun yang akan membawa lagi rahmat kepada Malaysia sebagai tahun-tahun yang lalu sejak tahun 1957. Kemungkinan mala-petaka berlaku seperti banjir, hujan berlebihan yang boleh menenggelamkan tanam-tanaman, panas kering yang mengkontang-

kan segala tumbuhan mungkin berlaku. Kejadian alam seperti ini mengingatkan kita membuat persediaan, dan kekurangan minyak tentulah akan menjadi bebanan bertambah kepada negara dan rakyat. Hendaklah menjadi peduman kepada setiap rakyat walau apa pun terjadi dalam negara kita, mana Kerajaan pun yang menang, corak pemerintahan apa sekalipun baik demokrat atau sosialis, kominis, feudalis hanya satu sahaja yang disanjung tinggi oleh pengundi-pengundi ialah segenggam beras, sesuap nasi pagi dan petang pada tiap-tiap mulut manusia.

Di dalam negara kita belum lagi kedapatan pembinaan dapur-dapur umum (public kitchen) sebagaimana yang terdapat di beberapa buah negara. Masih belum lagi terdapat atau berjumpa mayat-mayat berge-limpangan ditepi-tepi jalan kerana mati kelaparan. Masih belum lagi ada manusia-manusia yang menebang pohon-pohon kayu kerana mengambil pucuk-pucuk daun untuk direbus menjadi makanan—belum lagi—dan masih belum ada lagi report sebagaimana di dalam sebuah negeri iaitu sekeluarga manusia mencabut nyawa sendiri daripada hidup tertekan lapar. Masih belum ada lagi cerita bagaimana di sebuah negara di Afrika yang mana bila kebuluran berlaku penyakit cirit-birit terjadi, maka Bangsa-bangsa Bersatu bertindak mengirimkan ubat-ubat, tetapi apa sudah jadi, ibu-bapa telah merayu supaya ubat-ubat itu jangan dikirim lagi supaya dapat membiarkan mereka, mengizinkan mereka dan anak-anak mereka itu tidak akan senentiasa menempuhi kesengsaraan bulur mereka rela mati daripada hidup. Ini gambaran yang terjadi dalam dunia hari ini, tahun-tahun 1975 membawa hingga tahun 1980 dianggapkan oleh pakar-pakar makanan dunia sebagai tahun yang menggugatkan nyawa manusia, kerana kekurangan makanan.

Seorang tuan tanah dalam sebuah negara terkaya didunia—tidak payah disebutkan nama negara itu—akan tersenyum lebar setelah melihat hasil pengeluaran tanahnya, iaitu gandum, padi, jagung dan buah-buah bertimbun-timbun dimuat ke dalam lori untuk pasaran umum. Dia tersenyum kerana dia sendiri, keluarganya, seluruh negeri, mungkin manusia-manusia di negeri-negeri lain juga akan mengecapkan makanan hasil titik peluhnya. Tetapi seorang peladang di satu daerah di Baling, di kawasan saya dalam negara Malaysia yang kaya-raya akan

terkulat-kulat melihat isteri, anak-anak sedang menolak nasi, nasi sehari-hari, supaya masuk ke dalam kerongkongnya bagi meng-alas perutnya tidak ada ikan, tidak ada udang, tidak ada soup daging, tidak ada pudding yang menambahkan selera, yang ada ialah jari-jari kurus di kiri mematah cabai-cabai dengan belacan, jari kanan menyuap-nyuap nasi. Sungguh pedih perut hendak menerima makanan ini dan anak-anak inilah yang hendak diharap-harapkan akan menjadi Menteri Pertanian Malaysia tahun 2000 kelak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Anak-anak yang tidak cukup kalori zat makanan, anak-anak yang cengkong mata mendengar syarahan guru-guru yang bergaji lumayan, anak-anak yang bakal menjadi pemandu kapal terbang jet Angkatan Tentera Udara di-Raja Malaysia kelak. Punca makanan ialah beras, gula dan lain-lain. Hari ini ianya datang daripada luar negeri yang dibawa datang dengan kapal-kapal dihimpun dan distok di pelabuhan, dipindah pula dengan lori-lori ke pusat-pusat simpanan di negeri-negeri, kemudian dibawa ke kedai-kedai pemborong, masuk ke kedai-kedai runcit, kemudian akhirnya sampai ke dapur di rumah-rumah. Bermula daripada pengangkutan di kapal pelabuhan hingga sampai ke kedai-kedai runcit berbagai-bagai kejadian berlaku; beras tumpah, guni bocor, hilang kerana curang, diangkut ke pasar gelap, dibaham oleh tikus dan sewaktu sampai ke mulut si Amat di Kampung Pulau Daerah Baling hanya segengam sahaja dan itupun harga yang mahal.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan menghadapi berbagai-bagai masalah lagi di tahun-tahun hadapan dan kita sentiasa mengharap keadaan manis sahaja akan kita tempuhi di masa hadapan. Dengan itu Kerajaan hari ini harus memberi perhatian yang tegas kepada dua Kementerian yang sungguh-sungguh bertanggungjawab untuk menyenangkan fikiran rakyat hari ini iaitu Kementerian Perdagangan dan Kementerian Pertanian. Sebarang gerakan yang dibuat pemilihan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab hendaklah dibuat dengan cukup penelitian. Dewan ini cukup meletakkan kepercayaan kepada Menteri Pertanian dan Pembangunan Desa yang baru untuk melaksanakan hasrat itu kerana rakyat

percaya kepada ketegasan cakap-cakapnya dan tindak tanduknya, oleh itu menjadi harapan rakyat untuk mengisi keperluan negara di masa hadapan ini. Maka Kementerian tersebut iaitu Kementerian Pertanian dan Pembangunan Desa menitikberatkan di dalam pembukaan-pembukaan banyak lagi tanah-tanah sawah dan perladangan dengan menggunakan jentera-jentera yang baru oleh belia-belie kita yang kehausan kerja. Saya tegaskan di sini beberapa rukun-rukun hendaklah dipadankan untuk perlaksanaan ini atas tujuan-tujuan iaitu:

- (1) Mencari tanah atau kawasan-kawasan persawahan dan perladangan yang baru.
- (2) Melahirkan satu jenis makanan yang baru selain daripada padi untuk menjadi bahan makanan yang kedua kepada rakyat dalam Malaysia hari ini.
- (3) Pengeluaran tanaman yang bermutu.
- (4) Pengagihan tanah yang adil kepada semua yang ingin hendak bekerja—bukan semata-mata untuk menjadi kaya sahaja.
- (5) Menukarkan pemikiran angkatan belia yang baru supaya menumpukan kepada bidang pertanian.

Saya percaya, hasrat yang terkandung dalam Ucapan Belanjawan, 1975 yang di bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan itu akan menempuhi kejayaan dan membawa Malaysia kepada satu keadaan yang gemilang di masa hadapan.

4.56 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen yang tamat dari Sekolah China, saya rasa tidak boleh tidak saya menyentuh perkara tentang masalah-masalah Pelajaran China, dan kemahuan pelajar-pelajar Sekolah China dalam ucapan saya yang pertama di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mencabar Kerajaan supaya mengadakan satu pengundian antara rakyat Malaysia keturunan China memutuskan samada mereka menyokong atau tidak Dasar-dasar Pelajaran yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, saya mesti menasihati Kerajaan, sekiranya Dasar Pelajaran sekarang masih dijalankan tanpa perubahan, saya percaya masa depan negara kita tidak akan bersatu padu, damai dan makmur, seperti yang diagung-agungkan oleh Kerajaan sekarang. Di sini saya menyeru Kerajaan supaya tidak mengancamkan hak-hak bangsa lain, pindaan Dasar Pelajaran sekarang supaya sejajar dengan kemahuan rakyat Malaysia keturunan China, jika Kerajaan betul-betul tidak berniat hendak membasmikan Pelajaran China.

Saya mencadangkan bahawa Kerajaan patut mengusulkan satu pindaan Akta Pelajaran untuk membatalkan Akta Pelajaran, 1961, Fasal No. 21 (2). Akta ini amatlah membimbangkan hati rakyat Malaysia keturunan China, kerana ia boleh memberi mandat Menteri Pelajaran pada bila-bila masa pun memindahkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil ke Sekolah Rendah Kebangsaan. Sekarang Akta ini telah dilaksanakan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris, jikalau Akta ini bukan ditujukan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil, apakah gunanya Akta ini masih ada?

Kadang-kadang saya berasa ragu-ragu samada Kerajaan ada mengikut dasarnya, menjalankan dasarnya, misalnya dalam pembinaan sekolah, saya sudah menerima banyak komplek, iaitu Kerajaan tidak memperuntukkan setengah belanjanya untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China yang mengembangkan sekolah mereka. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat menjelaskan atas perkara ini semasa menjawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, tatkala Kerajaan meminda sistem Sekolah Menengah China ke Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan pada lebih kurang sepuluh tahun dahulu, Menteri-menteri dan Pemimpin-pemimpin M.C.A. memberi jaminan kepada rakyat Malaysia keturunan China, bahawa selepas perubahan ini sekurang-kurangnya ada masa satu pertiga diajar dan digunakan dengan bahasa China dalam pengajaran. Sekarang saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, memberitahu rakyat Malaysia, ada berapa buah sekolah yang berbuat demikian? Sila namakan salah satu daripadanya, cukup.

Baru-baru ini masyarakat China berkempen untuk mengembangkan Sekolah Menengah China Persendirian di seluruh tanahair kita. M.C.A. dan GERAKAN tidak dikecualikan untuk menderma dalam kempen ini seperti orang ramai. Perbuatan mereka ini sesuai dengan satu pepatah atau bidalan Tionghua: "Seperti Air Mata Buaya". Saya tidak sedikit pun menentang M.C.A. dan GERAKAN berbakti kepada masyarakat, jikalau mereka betul-betul berazam untuk menolong Sekolah-sekolah China Persendirian, cara yang amat baik sekali ialah memperuntukkan bantuan menerusi Kerajaan dan mengadakan semula Peperiksaan Junior Middle III dan Senior Middle III, serta mengiktiraf Sijil-sijil itu selayak dengan Sijil-sijil S.R.P. dan S.T.P. Bagaimanapun saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dari M.C.A. dan GERAKAN akan dapat menerangkan pendirian mereka terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, lima tahun dahulu, Kerajaan Perikatan menggunakan hak-hak yang diberi di bawah keadaan darurat yang memecahkan kemahuan dan impian beribu-ribu rakyat Malaysia keturunan China untuk membina sebuah Universiti Merdeka dan Kerajaan baru-baru ini memberitahu Dewan ini bahawa sebuah Kolej Merdeka telah ditolak untuk ditubuhkan. Tindakan Kerajaan ini adakah sejajar dengan semangat dan hak-hak Perlembagaan Perkara 152 (1). Saya harap Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara dapat menjelaskan atas perkara ini.

Kerajaan mengiktirafkan pelajar-pelajar yang mendapat Ijazah dari negeri British, Amerika Syarikat, Indonesia, Canada, New Zealand dan Australia, tetapi pelajar-pelajar yang mendapat ijazah-ijazah dari Universiti Nanyang, Taiwan dan India bukan sahaja tidak diiktirafkan, bahkan kelayakan dan kedudukan pun dinafikan belaka. Adakah mereka bukan warganegara Malaysia? Atau oleh sebab mereka ialah pelajar-pelajar sekolah China dan Tamil? Ini adakah disebutkan Keadilan masyarakat?

Kerajaan menggunakan Kepentingan Negara untuk menolak Ijazah Nanyang dan Taiwan. Ini tidaklah memuaskan hati orang lagi. Saya harap Kerajaan menerangkan dalil ini dengan teliti dan keseluruhannya dan maksud Kepentingan Negara ditujukan ke pihak mana? Berdasarkan mana Kerajaan

mengiktiraf ijazah Nanyang, India dan Taiwan akan mendatangkan kerugian kepada negara dan mengiktiraf Ijazah negeri British, Amerika Syarikat, Indonesia dan Australia tidak merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mendengar kelohan Menteri itu bahawa negara kita mengalami kekurangan orang pakar termasuk orang cepak, pekerja mahir, dan pintar. Sebenarnya negara kita mempunyai orang-orang seperti tersebut ini, tetapi Kerajaan tidak pedulikan sedikit pun, menyebabkan mereka selalu dalam keadaan pengangguran. Ini adalah satu perkara yang menyedihkan dan memalukan orang. Tetapi sebaliknya Kerajaan mengambil banyak orang yang disebutkan pakar untuk berkhidmat dari luar negeri. Sebenarnya mereka pun tidak fasih dalam bahasa kita, dan barangkali mendatangkan ketidak-mudahan kepada pentadbiran negara kita.

Sekiranya negara kita menghadapi malapetaka atau kejadian yang luar biasa, tidak syak lagi mereka tidak akan bertanggungjawab dan taat setia kepada negara kita, yang mempertahankan dan taat setia kepada negara kita adalah warganegara Malaysia, rakyat Malaysia seperti kata bidalan: "Ringan sama dijinjing, tetapi berat tidak sama dipikul"; "Lembu punya susu, sapi dapat nama". Adakah ini dasar Barisan Nasional! Adakah ini Masyarakat Adil!

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan menimbang sekali lagi ijazah-ijazah Nanyang, Taiwan dan India sekarang. Biarlah kita sama-sama membina sebuah bidalan tanahair kita: "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri".

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyentuh tentang masaalah kehidupan. Tidak syak lagi, kehidupan rakyat jelata kian hari kian susah selepas lapan belas tahun di bawah pemerintahan Kerajaan sekarang. Kerajaan selalu memperkatakan bangsa Melayu mempunyai hak istimewa, tetapi sebenarnya taraf kehidupan mereka masih rendah. Mereka selalu mengidap demam, kekurangan zat dan boleh dikatakan tidak menikmati kemudahan-kemudahan zaman moden. Yang mendapat faedah adalah ahli-ahli UMNO yang duduk di hadapan saya.

Rakyat Malaysia keturunan China sekarang bukan sahaja khuatirkan pelajaran mereka bahkan bimbangkan masa hadapan ekonomik mereka yang kian hari kian merosot. Bangsa India adalah mendapat layanan yang amat buruk sekali antara bangsa-bangsa Malaysia. Mereka berbakti sepanjang hidup mereka di estet getah, tetapi percentage pengangguran mereka juga tinggi sekali antara rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang cemerlang sekali dicipta oleh Kerajaan adalah sebuah kepincangan masyarakat, iaitu yang miskin lagi miskin, yang kaya lagi kaya.

5.07 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di Dewan ini pada petang ini.

Saya menyokong dengan sepenuhnya Usul yang sedang dibahaskan sekarang ini.

Saya merasa dukacita kerana Belanjawan tahun ini adalah dianggap atau dipandang sebagai satu alat untuk mencapai atau melaksanakan matlamatnya atau objectives Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Chin Hon Ngian: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I strongly support the emphasis by the Honourable Finance Minister that the Budget should not be viewed merely as the means of accounting for the Government's financial position. Neither is it considered just a plan on paper. The Budget should seek actually to implement the objectives of the Second Malaysia Plan and the Perspective Plan, and should give the nuts and bolts to the practical realisation of Plan objectives.

Perhaps at this juncture we ought to go back and look at the objectives of the Plan. Needless to say, the most outstanding feature of the Plan is that it emphasises the urgent task of eradicating poverty while recognising the fact that poverty cuts across racial lines.

Implementation of these objectives must not only be done, but it must be seen to be done. There are many poor people in the towns; there are also many poor people in the new villages; but there are also many poor people in the kampungs. All these poor people need help to improve their economic position and therefore equal attention must be given to these people to lift them out of their economic plight.

Tuan Yang di-Pertua, towards this end, I am glad to note that the Government has expressed a sense of urgency regarding the provision of homes to the poor, i.e., the rural poor as well as the urban poor, including those living in the new villages and the lowly paid rank and file of the uniformed sector of our society.

Conditions in the new villages have to be ameliorated. In this process, one should not be concerned merely with the physical aspects. It is true that more housing lots must be given to cope with the natural increase in population. Modern facilities such as tarred roads, electricity, tap water, modern sanitation and better drainage system and houses, etc. are essential to provide better living. But the economic status of the new villages is just as important, if not more important, because the social structure rests upon the economic base. A bankrupt new village can do very little to help itself. A new village without economic support is doomed. Therefore, to strengthen the economic base and to absorb the extra available manpower due to increase in population, two things can be done and have to be done urgently.

- (1) Open up or acquire more land surrounding the new villages for agricultural and housing purposes, if necessary, through new legislation or amending relevant existing laws.
- (2) Bring some or more industries, especially agro-based industries to the new villages. Tax holidays, pioneer status and other incentives should be granted to encourage this. This will also prevent an influx or drift of rural people into the towns, thus reducing the acute housing problem in the urban areas.

Tuan Yang di-Pertua, in the field of education, more emphasis should be placed on integration of the pupils and students of

various races in our schools and institutions of higher learning. Any trend towards polarisation must be arrested. It must be stressed that our future generations must grow up together in the same classrooms to learn about their common destinies and the similarities among them and to recognise, understand and respect the differences that exist among them, for even in diversity we can achieve unity.

Tuan Yang di-Pertua, the implementation of the objectives as envisaged by the Budget speech and reflected in the Second Malaysia Plan has a special role in the field of education, especially so in the admission of students into institutions of higher learning and in the granting of scholarships and other educational and training facilities.

In the field of labour, it is doubtless to say that the impending recession when it hits will hit the least resistant group most, i.e. the workers. Therefore, no stone should be left unturned when measures are being considered to alleviate the unavoidable hardship.

In this connection, I welcome the recent announcement made by the Honourable Minister of Labour and Manpower that a comprehensive Code of Industrial Practice will be drawn up soon to save jobs in the face of recession and in appealing to employers not to resort to retrenchment in these difficult times. It was reported in the Press a couple of days ago that as many as 290,000 people would be affected or would lose their jobs during the recession. This is a terrible picture. I urge the Government to set up a special relief fund to assist anyone in need of financial aid after losing their jobs to tide over the hard times.

In this respect, and with the Restoran Rakyat in mind, I urge the Government to set up "People's Markets" or Pasar Rakyat in the towns and kampungs where cheaper brands of essential goods, especially foodstuffs, are sold subject to ceiling price within the reach of the low income group. The Government should conduct wide publicity campaigns through the mass media to tell the people where these places are and what foodstuffs can be bought and at what prices. The Government should ensure that these Pasar-pasar Rakyat should look decent and attractive though it is not necessary for

them to look as posh as Fitzpatrick's and Weld Supermarkets which are normally beyond the reach of the low income group.

Tuan Yang di-Pertua, in the field of medical services, it is noted with pride and pleasure that the Government is adopting the attitude that "health is wealth" and that any amount of money poured into this field to keep the people healthy is well spent. However, the eagerness to provide medical services to the people may be thwarted at times. In this connection, I wish to draw the attention of the Government to the proposed project of putting up a hospital in Kulai in my constituency of Rengam. This thriving town needs a hospital urgently and, in fact, plans at an advanced stage are on foot to put up a hospital. However, it is known that there is a snag because the land of 50 acres needed for this proposed hospital would cost more than one million ringgit to acquire, i.e. more than \$20,000 for one acre of rubber estate. This just cannot be the market value for rubber estates in the country.

In the administration of justice, I wish to bring to the attention of this House that after almost 18 years of independence, the highest court of our independent and sovereign nation is still not in our own soil but in a remote place some 8,000 miles away, for our Court of Judicature Act provides for appeals from the Federal Court in Malaysia to the Judicial Committee of the Privy Council in Britain. We are not unaware that English Judges sitting on the Committee are all very eminent jurists and that they have at all times presented an image of absolute fairness, integrity and great legal knowledge in the execution of their duties. But I am of the opinion that the time has come for the Government to take up the question of appeal to our own Judicial Committee. There are four valid reasons for doing so:

- (i) that it is in keeping with our independent and sovereign status;
- (ii) that after 18 years of independence we have come of age;
- (iii) the question of legal costs to the litigants; and
- (iv) we have our own eminent jurists in the persons of Tun Azmi, Tan Sri H. T. Ong, Tan Sri MacIntyre and others who can form the core of our own Judicial Committee.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh disebut nama-nama hakim kalau hendak influence apa-apa keputusan Kerajaan.

Tuan Chin Hon Ngian: I beg your pardon, Tuan Yang di-Pertua. The most cogent reason for our own people to sit on our highest court is that these people would have a better knowledge of the social and economic conditions of our people and our country and this first-hand knowledge will be of considerable value in the determination of cases originating here and between our own people.

In this connection, Tuan Yang di-Pertua, I wish to quote the editorial of *Insaf*, the Journal of the Malaysian Bar Council, Volume VII, No. 2, Page 1, and I quote:

"Looking ahead, we should anticipate that a time may come when we in Malaysia will no longer consider it desirable to have all our final appeals decided in London; certain problems could perhaps better be resolved by a competent domestic tribunal of experts. To pave the way for such an eventuality, an appropriate substitute must be created and, to do this, we can only fall back on our own manpower resources. It is not too fanciful to suggest that, immediately after leaving the Bench, our Judges could be appointed to constitute a Judicial Committee of the Dewan Negara (Senate), comparable in concept to the Judicial Committee of the Privy Council. In the early stages of its life, the Senate Judicial Committee can be vested with exclusive jurisdiction to determine particular constitutional issues which presently are referred to the Federal Court under Article 128 and 130 of the Constitution. All big things start with small beginnings, and though initially it may only be possible to appoint a few retired Judges to form the nucleus of such a prestigious forum, more of them will become available in course of time to enlarge its size and its vision. Then the Committee's jurisdiction can be extended to include giving advice or opinions on questions referred to it by the Yang di-Pertuan Agong or the Government relating to the law of the country and the Constitution and the hearing of certain types of appeal from the Federal Court".

Tuan Yang di-Pertua, these sentiments of the Malaysian Bar Council are worth considering.

5.21 ptg.

Tuan Haji Madina bin Unggut (Bandau):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Anggaran Belanjawan Negara yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Garis-garis Belanjawan ke arah menyekat inflasi dan kemerosotan ekonomi patut dipuji. Kenaikan cukai ke atas beberapa jenis barang kemewahan adalah kena pada tempatnya, malah sepatutnya telah dibuat sekian lama dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun saya memuji langkah-langkah Kerajaan menambahkan pendapatan negara menerusi kenaikan cukai ke atas barang-barang mewah itu, saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap kenaikan cukai itu dengan keadaan hidup di Sabah. Rakyat dari golongan berpendapatan rendah di Sabah tidaklah menerima bebanan dari kenaikan cukai itu, bagaimanapun satu perkara patut mendapat perhatian ialah kenaikan cukai jalan kereta mengikut c.c. Kenaikan cukai ini di Semenanjung Malaysia memang sesuai kerana semakin hari sistem serta kemudahan jalanraya bertambah baik dan sesebuah kereta di sini boleh menggunakan jalanraya di seluruh Semenanjung dengan hati yang lega, tetapi di Sabah projek-projek jalanraya masih belum selesai dan sesebuah kereta tidak akan mampu menggunakan jalanraya sehingga sejauh 100 batu dan hanya dapat digunakan di dalam kawasan-kawasan yang terhad. Walaupun pembukaan jalanraya di negeri itu telah mencapai hingga 200 batu seperti jalanraya antara Kota Kinabalu dengan Sandakan, tetapi jalanraya itu hanya boleh digunakan oleh kereta-kereta tahan lasak kerana belum dibubuh tar. Oleh itu, saya berharap kenaikan cukai jalan kereta tidak melibatkan Sabah untuk sementara waktu, walaupun yang akan menerima bebanan cukai bukanlah penduduk luar-bandar akibat dari kenaikan cukai-cukai itu, tetapi Kerajaan patutlah berlaku adil dan menyesuaikan keadaan antara Semenanjung dengan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan tahun hadapan menunjukkan bertambah dan jika ditinjau dengan fikiran yang pendek bahawa ada jaminan yang

kuat tentang kebahagiaan hidup rakyat, tetapi sebenarnya jika ditinjau lebih jauh, Belanjawan itu masih belum selaras dengan keperluan rakyat yang semakin bertambah. Tekanan-tekanan kemelesetan ekonomi dunia ditambah lagi dengan bertambahnya penduduk negara ini adalah menambahkan masalah rakyat sendiri. Kerajaan tidak seharusnya terlalu mengharap kepada garis-garis Belanjawan ke arah menyekat inflasi dan kemerosotan ekonomi semata-mata, tetapi patut terus memperhebatkan galakan-galakan penyertaan dari rakyat sendiri. Galakan-galakan supaya belia-belia jangan terlalu bergantung kepada kerja pejabat di Jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi rakyat bumiputra hendaklah menceburkan diri dalam lapangan perniagaan, pertanian dan dalam kerja-kerja teknikal masih belum begitu berkesan. Ini ialah oleh kerana beberapa hal yang tidak memuaskan belia atau rakyat sendiri, umpamanya, kaum tani tidak diberi pengalaman yang secukupnya tentang pertanian yang lebih lumayan. Ada perniaga-peniaga kecil mendapat pinjaman wang dari bank, tetapi lumpuh perniagaannya, kerana tidak mempunyai cukup pengalaman. Ada belia-belia lepasan jurusan teknik, tetapi tidak ada kerja yang sesuai untuknya dan berbagai masalah lagi. Kementerian-kementerian yang berkenaan harus memberi perhatian khusus tentang masalah galakan ini supaya benar-benar berkesan.

5.25 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada tanggal 12hb November baru-baru ini. Di dalam Rang Undang-undang itu ada banyak menitikberatkan di atas usaha-usaha menghapuskan inflasi atau stagflasi yang merupakan malapetaka yang besar yang menimpa umat manusia seluruhnya, terutama di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap perkara yang berlaku dalam dunia ini ada sebab-musababnya. Sudah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyampaikan ucapannya masing-masing berkenaan dengan inflasi ini dan sudah banyak fikiran-fikiran yang telah

diberikan untuk mengatasinya. Saya ingin menyatakan inflasi ini dari sudut aqidah Islamiah, iaitu sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah s.w. di dalam Kitab Suci Al-Quran yang bermaksud:

"Sekiranya penduduk-penduduk di kampung-kampung atau di mana-mana sahaja mereka berada di dunia ini, mereka beriman dan bertaqwa kepada Allah s.w., nescaya Allah membukakan pintu rezki dari langit dan juga dari bumi, tetapi mereka itu mendustakan ajaran-ajaran Kami, kata Allah. Ringkasnya, mereka menentang ajaran-ajaran Kami. Lantaran itu Kami menurunkan ke atas mereka azab sengsara dengan sebab dosa-dosa mereka itu."

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita selalu mendengar kejatuhan akhlak sedang menjadi-jadi di tanahair kita ini, di kalangan muda-mudi kita, malah di kalangan orang-orang dewasa juga.

Tuan Yang di-Pertua, keruntuhan akhlak dan kerosakan akhlak yang berlaku di dalam masyarakat Islam di Malaysia bukan sahaja melibatkan golongan belia sahaja tetapi juga menimpa kaum ibubapa dan dewasa. Ramai orang menyalahkan muda-mudi kerana berleluasa dikalangan mereka perbuatan menghisap dadah, kehidupan ala-hipis dan lain-lain kegiatan anti-akhlak atau anti-sosial namun tidak siapa pun yang dapat menolak hakikat dan kenyataan bahawa perbuatan maksiat telah berleluasa dikalangan orang-orang dewasa dan kaum ibubapa seperti minum arak, judi samada di-kelab-kelab malam, casino atau di mana-mana sahaja yang mana inilah di antara sebab yang Allah taala menurunkan bala sepertimana inflasi dan sebagainya.

Sejarah telah membuktikan yang mana satu masa dahulu disalah sebuah negeri Yaman bilamana mereka itu insaf bertakwa maka Allah (s.w.) memberi beberapa kemudahan, tetapi sesudah mereka berpaling tadah daripada ajaran Allah lalu Allah menurunkan bala mengecilkan rezkinya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan kita mengambil langkah yang sungguh-sungguh tentang dakwah terutama dikalangan murid-murid sekolah yang selalu kita dengar di masa-masa akhir ini banyak terdapat murid-

murid sekolah menghisap dadah, minum arak dan lain-lain yang mana merekalah yang akan menjadi pemimpin negara kita di masa depan. Sekiranya kita membiarkan keadaan mereka tidak mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi masakan berhasil apa yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri iaitu hendak mengutamakan mereka yang berakhlak tinggi dalam jawatan-jawatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menyeru di Dewan yang mulia ini iaitu supaya Menteri Pelajaran mengambil berat tentang nasib pelajar-pelajar di sekolah-sekolah agama yang berjumlah tak kurang daripada 50,000 orang di seluruh tanahair dan yang paling ramai sekali setahu saya ialah di Kelantan yang mana jumlah itu tak boleh dipandang kecil. Perkara menjadi sungutan dikalangan pelajar-pelajar agama pada hari ini iaitu di samping Kerajaan mengheboh-hebohkan bahawa berjuta-juta ringgit diuntukkan kepada membeli buku-buku teks untuk sekolah-sekolah Kerajaan atau sekolah kebangsaan tidak menyentuh langsung bantuan buku-buku teks kepada sekolah-sekolah agama. Oleh yang demikian, saya menyeru di Dewan yang mulia ini sebagaimana Kerajaan memberi percuma buku-buku teks kepada sekolah-sekolah kebangsaan hendaklah juga Kerajaan memberi percuma buku-buku teks kepada sekolah-sekolah agama, sebab pelajar-pelajar sekolah agama pada hari ini tidak kurang peratus kelulusannya di dalam Peperiksaan S.R.P./S.P.M. dengan sekolah-sekolah menengah Kebangsaan di samping mendalami mata-matapelajaran agama malah di setengah-setengah sekolah agama di Kelantan peratus kelulusan dalam Peperiksaan S.R.P. lebih tinggi daripada sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Selain daripada itu telahpun mendapat akuan daripada Kementerian Pelajaran iaitu mana-mana anak-anak yang dihantar ke sekolah agama tidaklah boleh dianggap tercicir kerana sukatan yang diamalkan di sekolah-sekolah agama pada hari ini membolehkan pelajar-pelajar itu meningkat sehingga ke peringkat universiti.

5.35 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul di hadapan Majlis yang

mulia ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 12 hariibulan yang lalu. Di samping itu, suka saya menarik perhatian di dalam beberapa perkara yang saya agak penting.

Anggaran Belanjawan itu telah menunjukkan peranan belanjawan yang lebih dinamis di dalam perancangan ekonomi dan kewangan di dalam konteks penyampaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang mana perkara ini telah terbukti dengan langkah-langkah Kerajaan yang banyak. Antara lain yang dapat saya sebutkan di sini ialah yang pertama berhubung dengan subsidi baja kepada petani-petani. Langkah Kerajaan memberi subsidi baja kepada petani-petani yang mana kawasan yang saya mewakili adalah terdiri daripada petani-petani belaka mereka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan di atas subsidi yang telah diberikan itu yang mana dengan subsidi itu telah meringankan bebanan yang mereka tanggung. Apa yang mereka harapkan ialah dalam tahun 1975 nanti subsidi itu akan ditambahkan lagi peruntukannya. Apa yang telah berlaku berhubung dengan subsidi ini walaupun perkara itu baik tetapi cara-cara menyampaikan subsidi itu masih lagi merupakan kelemahan-kelemahan telah berlaku. Saya sebutkan di sini apa yang telah berlaku pada tahun ini iaitu subsidi baja itu telah disampaikan kepada petani-petani tetapi tidak secara langsungnya sampai kepada petani-petani kerana subsidi itu telah bocor sampai kepada orang-orang lain. Sebabnya tidak lain dan tidak bukan ialah kerana cara-cara memberikan subsidi baja kepada petani-petani itu patut diperkemas lagi.

Selain daripada itu apa yang suka saya menarik perhatian di atas peranan belanjawan yang dinamis yang saya katakan tadi ialah perubahan corak simpanan pejabat pos yang menjadi sebagai Bank Simpanan Nasional. Ini adalah satu langkah yang baik tetapi langkah ini pada pendapat saya hendaklah mendapat keterangan-keterangan ataupun penerangan-penerangan yang lebih kepada penduduk-penduduk atau rakyat jelata di negeri kita ini terutama sekali bagi mereka yang di kampung-kampung berkehendakkan kepada penerangan-penerangan yang begitu meluas kerana banyak lagi di antara penduduk-penduduk di kampung yang

masih menyimpan wang mereka dengan secara yang tidak ekonomi. Buktinya telah berlaku beberapa kejadian di tempat saya rumah terbakar. Dengan terbakarnya rumah yang tidak lebih tiangnya 8 atau 9 batang telah kehilangan sama dengan terbakarnya rumah itu beribu-ribu ringgit wang yang telah disimpan oleh petani-petani dengan secara yang saya katakan tidak mendatangkan faedah dan keuntungan kepada mereka. Mereka ini menyimpan wang yang mereka jimat sedikit demi sedikit daripada perolehan yang telah mereka dapatkan itu tetapi oleh kerana tidak adanya penerangan-penerangan yang begitu meluas bagaimana cara-caranya dapat menyimpan wang yang lebih ekonomi kepada mereka maka dengan sebab itulah mereka telah menyimpan wang di rumah-rumah mereka di bawah-bawah bantal dan di atas-atas tikar.

Langkah Kerajaan telah menunjukkan bukti manakala penerangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan berhubung dengan wang simpanan tabung haji telah menunjukkan bukti yang nyata kejayaan di kampung-kampung. Kalaulah sekiranya perubahan corak Simpanan Pejabat Pos ini diadakan penerangan yang lebih berkesan, maka saya percaya apa yang telah dilakukan oleh petani-petani di kampung-kampung itu akan dapat diatasi dan mereka akan dapat faedah yang lebih berkesan lagi.

Selain daripada itu, perhatian Kerajaan yang bersungguh-sungguh di dalam mengubah corak perseorangan di dalam mengerjakan tanah kepada corak berkelompok. Ini adalah pada pendapat saya satu langkah yang bijak yang telah dijalankan oleh Kerajaan, tetapi langkah ini telah ditujukan khusus kepada pekebun-pekebun kecil. Saya berharap langkah ini hendaklah juga ditumpukan kepada petani-petani. Mengapa saya merayukan Kerajaan di dalam masalah ini, kerana saya dapati petani-petani di kampung-kampung telah mula mengubah sikap. Mereka telah mula mengubah sikap daripada mengerjakan tanah secara tradisional mengikut sepertimana mereka warisi daripada datuk nenek mereka, anak-anak muda, anak-anak petani telah sanggup meninggalkan kampung halaman mereka menuju ke kota-kota untuk mencari pencarian hidup. Ini pada pendapat saya bukanlah satu gejala yang tidak sihat. Pada pendapat saya ini adalah satu perubahan

sikap yang telah dilakukan oleh anak-anak muda itu. Cuma apa yang dibimbangkan manakala budak-budak ini, anak-anak muda ini telah mengubah sikap meninggalkan pekerjaan tani secara tradisional di kampung-kampung meninggalkan tanah kepada ayah-ayah mereka, mereka pergi ke bandar-bandar, tetapi manakala sampai mereka ke bandar-bandar mereka dapat pekerjaan-pekerjaan yang tidak cukup menyara hidup mereka. Apa yang telah berlaku di tempat saya banyak anak-anak telah berpindah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan, tetapi pekerjaan yang didapatinya semamata-mata beberapa hari sahaja. Tiga hari di dalam seminggu yang mendapat wang tidak lebih daripada \$100 pada sebulan. Pada hujung-hujung minggu mereka balik ke kampung halaman mereka masing-masing mencari di mana kepok padi ayah mereka mengais kepok padi ayah mereka untuk dijualnya untuk mencukupi hidup mereka di bandar-bandar. Ini adalah satu keadaan yang sangat mendukacitakan. Kalau keadaan ini berlanjutan ataupun berpanjangan mereka akan menyesal dengan keadaan mereka di bandar-bandar. Mereka akan kembali ke kampung-kampung menjadi sebagai penganggur terhormat kepada ibu-bapa mereka. Mereka segan untuk turun ke sawah-sawah ladang, mereka segan untuk turun ke sawah-sawah padi kerana mereka telah hidup dengan cara bandar. Ini adalah pada pendapat saya mereka ini menjadi sebagai penganggur terhormat kepada ibu-bapa mereka.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kalau keadaan ini berlanjutan, maka apa yang kita harapkan perubahan sikap yang telah bermula kepada anak-anak kita itu tidak akan sampai ke mana-mana, tetapi menjadikan bebanan yang lebih berat lagi kepada ibu-bapa di kampung-kampung yang mengerjakan sawah padi secara tradisional sepertimana yang saya katakan tadi. Gejala-gejala yang buruk telah mula berlaku di kampung-kampung, di sawah-sawah padi yang mana pada tahun 1974 ini keadaan pekerja di sawah padi di kampung sangat berkurangan. Petani-petani yang mengerjakan sawah padi secara tradisional itu susah mendapat pekerja-pekerja untuk menanam padi. Di dalam tahun 1973 upah menanam padi pada serelong ialah di antara \$16 hingga \$20

tetapi di dalam tahun 1974 ini upah menanam padi telah meningkat di antara \$36 kepada \$40 serelong. Ini disebabkan oleh kerana kekurangan pekerja-pekerja, sebabnya tidak lain dan tidak bukan ialah perpindahan anak-anak muda dari kampung ke bandar. Perubahan sikap yang telah berlaku kepada pemuda-pemuda itu memberatkan ibu-bapa bukan sahaja, kerana mereka terpaksa mengeluarkan wang yang lebih banyak untuk bertanam padi, tetapi anak-anak mereka yang pergi ke bandar-bandar telah balik di hujung-hujung minggu menjadi bebanan kepada mereka sendiri.

Di dalam masaalah ini, suka saya mengesyorkan kepada Kerajaan iaitu Kerajaan hendaklah mengadakan satu peraturan iaitu berhubung dengan buruh bermusim. Saya katakan kalau sekiranya Kerajaan dapat menyusunkan buruh bermusim, maka harga upah yang telah meningkat dari setahun ke setahun itu akan dapat diatasi dan kemelesetan ekonomi kepada petani-petani, kepada penoreh-penoreh getah, kepada nelayan-nelayan dapat dibela. Sebab apa saya katakan demikian kerana penoreh-penoreh getah di waktu musim hujan mereka tidak dapat menoreh, mereka terpaksa duduk berdiam sahaja di rumah-rumah mereka dengan tidak mendatangkan satu faedah pun. Kalau sekiranya ada satu penyusunan di dalam masaalah ini, buruh-buruh yang bekerja sebagai penoreh getah pada masa musim hujan itu dapat diaturnya supaya mereka turun ke sawah untuk membantu petani-petani di dalam mengusahakan ladang mereka, maka ini faedahnya akan dapat bukan sahaja kepada petani-petani itu tetapi juga kepada penoreh-penoreh getah. Begitu juga di dalam musim menuai padi, buruh bermusim sepertimana yang saya katakan tadi patutlah disusun dengan rapi, kerana musim menuai disebelah Pantai Barat dengan musim menuai disebelah pantai timur adalah berlainan, musim hujan, musim banjir di kawasan-kawasan Pantai Timur adalah satu musim yang sesuai untuk bekerja mendapatkan hasil padi disebelah barat, terutama sekali di Kedah dan di Perlis. Kalaulah pekerja-pekerja yang bermusim ini dapat diaturnya buru-buruh daripada Pantai Timur boleh dapat diaturnya dengan rapi supaya dapat mereka berpindah untuk menuai padi di sebelah barat di dalam musim-musim tersebut. Keadaan yang sedemikian ini walaupun pada hari ini ada

buruh-buruh itu datang daripada Pantai Timur untuk mendapatkan hasil padi di Pantai Barat. tetapi mrka datang adalah cara bersendirian tidak diatur dengan begitu rapi bagi mendapatkan faedah yang lebih mendatangkan menafaat lagi kepada petani-petani itu. Itu adalah syor saya di dalam masaalah ini.

Satu perkara lagi yang suka saya menarik perhatian di dalam Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan inflasi. Kita telah mendengar nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh Kerajaan, nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh pemimpin-pemimpin kita supaya membanyakkan barang-barang makanan bagi mengatasi masaalah kekurangan makanan yang sedang berlaku dan yang akan berlaku.

Di dalam masaalah ini, saya khuatir kepada petani-petani di luar bandar kerana sifat mereka serba mudah—ini adalah sifat petani-petani. Saya maksudkan dengan serba mudah itu, mereka mudah menerima nasihat, tetapi mereka juga mudah merajuk ataupun kecil hati. Ini adalah sifat petani-petani.

Pada beberapa tahun yang lalu petani-petani telah mendapat nasihat daripada Kerajaan supaya menanam pokok-pokok tanaman. Apa yang berlaku ialah mereka telah menyahut seruan Kerajaan. Tanah-tanah kosong mereka, mereka telah penuhkan dengan pokok-pokok buah-buahan. Ladang-ladang atau sawah-sawah mereka selepas daripada menuai mereka telah menanamkan dengan tanaman-tanaman yang lain seperti tembakau dan lain-lainnya, tetapi manakala mereka telah mengusahakan mereka tidak mendapati pasaran yang boleh mendatangkan hasil kepada mereka. Biasa berlaku di tempat saya petani-petani telah mengerjakan secara gotong-royong untuk menanam kacang dan sayur-sayuran, tetapi manakala kacang mereka telah perolehi dan sayur-sayuran dapat mereka kumpulkan, mereka telah bawa ke merata-rata untuk dipasarkan, untuk dijual, tetapi akhirnya pasar tidak menerima dan kesudahannya segala barang-barang yang mereka telah perolehi itu mereka campakkan begitu sahaja. Manakala perkara yang sedemikian itu berlaku, maka mudahlah kepada petani-petani itu merajuk. Manakala mereka mudah merajuk, susah pula bagi mereka untuk mendapat satu nasihat yang baharu ataupun perubahan yang baharu kepada sifat mereka.

Begitu juga telah berlaku kepada petani-petani yang telah menanam tembakau. Mereka telah mengusahakan tembakau, tetapi manakala usaha tembakau mereka itu telah dapat dihasilkannya pasaran sangatlah rendah. Ditolakkan belanja itu dan ini maka kesudahannya mereka tidak dapat apa-apa faedah pun daripada tanaman mereka. Dengan sebab itu sekarang ini di tempat saya petani-petani telah tidak mahu lagi menanam tembakau dengan secara besar-besaran disebabkan oleh kekurangan pasaran dan tidak mendapat hasil yang begitu lumayan bagi mereka. Inilah yang saya bimbangkan dan saya harap mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan di dalam perkara ini.

Pelajaran

Berhubung dengan pelajaran. Peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian Pelajaran adalah peruntukan yang habis tinggi sekali di antara Kementerian-kementerian. Ini adalah satu perkara yang membanggakan. Walau bagaimanapun, suka juga saya menarik perhatian Majlis yang mulia ini iaitu peruntukan yang telah diuntukkan kepada pelajaran agama telah bertambah begitu tinggi. Ini barangkali disebabkan oleh pengambilan alih Kementerian Pelajaran berhubung dengan Pelajaran Agama di Sekolah-sekolah Rendah. Di dalam masaalah ini, suka saya menarik perhatian Majlis yang mulia ini berhubung dengan pelajaran agama yang disampaikan kepada murid-murid.

Saya berani menegaskan di sini bahawa pelajaran agama yang telah disampaikan kepada murid-murid adalah merupakan pelajaran agama yang beku, yang tidak dapat diterima oleh murid-murid. Murid-murid mempelajari pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah mereka semata-mata untuk lulus peperiksaan sahaja, tetapi kesan rohani dan jiwa agama yang mereka dapati daripada pelajaran-pelajaran agama yang telah diberikan kepada mereka itu tidak sampai setakat mana pun. Sebabnya Sukatan Pelajaran Agama yang ada di dalam sukatan pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah itu merupakan sukatan yang bercorak iktisas. Dibahagi-bahagikan pelajarannya itu mengikut corak iktisas—Fikah, Quran, Hadis, Akhlak, Sejarah dan sebagainya. Ini saya katakan bukanlah merupakan satu pelajaran agama

yang sesuai dengan umur kanak-kanak di dalam sekolah rendah menengah. Ini adalah cara yang telah dipelajari di dalam pusat-pusat pengajian tinggi untuk menambahkan pelajaran iktisad mereka. Kalau begitu saya sangat-sangatlah bersyukur kepada Allah s.w.t. yang Kementerian Pelajaran telah sedar dalam masaalah ini dan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk menyemak semula pelajaran agama di sekolah-sekolah menengah dan di sekolah-sekolah rendah.

Apa yang saya harapkan cara iktisad yang saya sebutkan itu, yang tidak dapat diterima oleh murid-murid di dalam sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah itu patut diubah. Kita jangan memberikan pelajaran iktisad kepada kanak-kanak di dalam umur yang sedemikian, tetapi kita mestilah memandang ajaran-ajaran yang boleh menanam semangat agama dan akhlak yang mulia kepada kanak-kanak.

Begitu juga di dalam soal pelajaran yang telah dijalankan oleh Kementerian kepada pelajaran-pelajaran agama di Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Kalau tidak salah ingatan saya, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan begitu lama di dalam tahun 50an yang lalu yang mana dengan penubuhan Jawatankuasa itu telah membuahkan hasil dengan memberikan bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat mulai daripada tahun 1959 yang lalu, tetapi sekarang kita berada di dalam tahun 1974 dan hampir masuk kepada tahun 1975, bermakna langkah yang telah diambil oleh Kementerian di waktu itu sudah lebih daripada 12 tahun.

Pada pendapat saya di dalam masaalah ini Kementerian Pelajaran haruslah mengkaji semula bantuan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah agama rakyat, kerana bantuan yang telah bermula di dalam tahun 1959 itu keadaan di waktu itu adalah berlainan dengan keadaan sekarang ini. Kehendak-kehendak sekolah agama rakyat di dalam tahun 50an dahulu berlainan dengan kehendak-kehendak sekolah agama rakyat di dalam tahun 1975 yang akan datang ini. Kalau di dalam tahun 50an dahulu bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian Pelajaran mengikut bilangan murid-murid dan dikelaskan kepada kelas-kelas yang mendapat bantuan \$10.00; \$14.00 dan \$20.00 kepada tiap-tiap penuntut di sekolah-sekolah agama itu pada setahun.

Pada masa dahulu boleh menampung keadaan-keadaan, kekurangan-kekurangan yang ada di sekolah agama di waktu itu, tetapi pada tahun 1975 yang akan datang ini bantuan yang sedemikian itu, saya nampak tidak akan memberikan kesan apa-apa kepada kemajuan sekolah agama yang ada, yang mana bilangan murid-muridnya lebih daripada 50,000 di seluruh Malaysia ini.

Kalau begitu di dalam masaalah ini, pada pendapat saya, patutlah Kementerian Pelajaran membuat satu penelitian dan satu kajian semula di dalam memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat kerana sekolah-sekolah agama itu selepas daripada menerima dasar pelajaran yang baharu sukatan pelajaran yang baharu yang sesuai dengan Sukatan Pelajaran Kebangsaan. Mereka berkehendakkan bukan sahaja bantuan kewangan, tetapi juga kepada bantuan guru-guru bagi membolehkan sekolah itu menambahkan lagi kemajuannya dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, suka juga saya menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa peruntukan yang ada kepada Kementerian Pelajaran berhubung dengan sekolah vokesyenal. Kalau kita bandingkan berkenaan dengan peruntukan sekolah vokesyenal dengan sekolah-sekolah menengah biasa yang lain, maka peruntukan yang telah diperuntukkan kepada sekolah vokesyenal adalah lebih tinggi daripada peruntukan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah menengah yang lain. Kalau dibandingkan dengan bilangan murid dan bilangan sekolah menunjukkan kelebihan, keutamaan telah diberikan kepada sekolah-sekolah vokesyenal. Tetapi apa yang suka saya menarik perhatian di sini, kelulusan yang telah dicapai oleh murid-murid di dalam sekolah vokesyenal itu sangat-sangatlah meleset.

Mengikut apa saya difahamkan bahawa kelulusan yang telah didapati oleh murid-murid di dalam sekolah vokesyenal adalah di antara 15% hingga 20% sahaja kelulusan mereka. Kalau keadaan yang sedemikian berlaku dan berlanjutan, maka ini tidaklah seimbang dengan belanja yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan di dalam masaalah ini. Oleh yang demikian, saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan di dalam menyemak pelaksanaan Dasar Pelajaran yang sedang berlaku di masa ini.

Begitu juga saya suka menarik perhatian Majlis yang mulia ini berkenaan dengan penempatan guru-guru. Ahli-ahli politik telah menjadi tempat tumpuan kepada guru-guru untuk memohon memindahkan mereka daripada tempat yang jauh kepada tempat mereka sendiri. Saya percaya ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dapat desakan ataupun harapan daripada guru-guru untuk menjadi sebagai orang tengah bagi menghubungkan mereka supaya dapat mereka berpindah ke tempat yang mereka sukai.

Di dalam masaalah ini, walaupun kita telah mendengar ketegasan yang telah ditegaskan oleh Menteri Pelajaran, di dalam masa guru-guru tadi memohon permohonan untuk menjawab jawatan sebagai guru, mereka telah berjanji dan sanggup untuk diletakkan di mana-mana sahaja. Tetapi apa yang suka saya menarik perhatian di sini ialah berkenaan dengan guru-guru muda yang berhemah tinggi, yang sanggup untuk menyambungkan pelajaran mereka, kalau ditempatkan di tempat-tempat yang jauh, mereka tidak akan dapat kemudahan-kemudahan untuk melanjutkan pelajaran. Guru-guru yang sedemikian ini, kalau sekiranya diletakkan di tempat-tempat yang jauh itu bukan sahaja merugikan mereka tetapi merugikan negara. Kerana kalau mereka itu ditempatkan di tempat-tempat yang mudah mereka menyambungkan pelajaran secara bersendirian, mereka dapat meneruskan pelajaran mereka dan mereka dapat mencapai kejayaan yang gemilang, kalau sekiranya diberi peluang dengan menambah pengetahuan kepada mereka, maka ini adalah meletakkan kejayaan itu bukan sahaja kepada diri mereka, tetapi kepada negara juga kerana dapat membayangkan guru-guru yang berpengetahuan tinggi. Oleh yang demikian, saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan di dalam perkara ini.

Berhubung dengan Kementerian Pelajaran juga, saya rasa sudahlah sampai masanya, Kementerian Pelajaran di dalam dasarnya untuk membanyakkan anak-anak bumiputra yang boleh bertutur lebih daripada dua bahasa. Di negeri-negeri yang maju, sistem tiga bahasa telah dijalankan. Tetapi di negeri kita ini, sistem tiga bahasa itu tidak menyeluruh lagi. Kalau begitu, suka saya menarik perhatian Kementerian Pelajaran supaya membanyakkan sistem tiga bahasa:

bahasa pengantar ialah Bahasa Kebangsaan, bahasa kedua dan ketiga patut diadakan di sekolah-sekolah menengah dengan banyaknya.

Sistem tiga bahasa yang diajarkan di sekolah-sekolah menengah ini sangatlah penting kerana kita bukan sahaja berkehendak murid-murid ataupun pemuda-pemuda kita boleh bertutur dalam bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris semata-mata, tetapi lain-lain bahasa pun patut juga diadakan. Di dalam masaalah ini, kalau sekiranya Kementerian Pelajaran dapat menjalankan dengan luas satu keadilan boleh dilakukan di dalam sistem pelajaran berhubung dengan bahasa. Kerana di tanahair kita ini ada tiga aliran Sekolah menengah yang banyak:

- (1) Sekolah Menengah Kebangsaan.
- (2) Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris dan China; dan
- (3) Sekolah Menengah Ugama.

Kalau sekiranya diadakan sistem tiga bahasa ini bagi sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan misalnya, Bahasa Kebangsaan boleh dijadikan bahasa pertama, dan bahasa Inggeris boleh dijadikan bahasa yang kedua, dan lain-lain bahasa boleh dijadikan bahasa yang ketiga.

Di sekolah-sekolah Ugama pula, kalau sistem tiga bahasa ini dijalankan, murid-murid di sekolah menengah itu bolehlah menjadikan Bahasa Kebangsaannya sebagai Bahasa pertama, bahasa Arab sebagai bahasa yang kedua, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang ketiga.

Begitu juga di sekolah-sekolah menengah China. Sekolah Menengah China, Bahasa Kebangsaannya sebagai bahasa pertama, bahasa China sebagai bahasa kedua, bahasa yang ketiganya bolehlah dipilih apa bahasa sahaja yang telah dijadikan sebagai bahasa ketiga. Ini mendatangkan keadilan yang sekarang ini di sekolah-sekolah menengah terutama sekali Sekolah-sekolah Menengah Ugama adalah sangat-sangat tidak adil di dalam perkara ini, kerana mereka terpaksa mengambil tiga bahasa sekali. Mereka terpaksa mempelajari bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar, mereka terpaksa mempelajari bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran yang mesti, dan mereka terpaksa pula mempelajari bahasa Arab sebagai satu mata pelajaran yang mesti.

Tetapi kalau sekiranya sistem ini dapat disamakan kepada sekolah-sekolah menengah samada Sekolah Menengah Kebangsaan ataupun Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Ugama, maka satu keadilan dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembangunan sekolah, binaan-binaan bangunan sekolah telah dibina oleh Kementerian yang mempunyai bilangan murid-murid yang berkehendakkan kepada 12 bilik darjah misalnya, bangunan telah diadakan semata-mata 6 bilik darjah sahaja. Ini terpaksa murid-murid itu belajar di sebelah pagi dan di sebelah petang.

Kejadian belajar di sebelah petang terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar, adalah tidak mendatangkan faedah yang begitu baik kepada murid-murid. Kalau sekiranya di bandar-bandar, murid-murid sekolah yang belajar pagi dan petang ini tidak mendatangkan kesulitan kepada murid-murid itu, kerana pengangkutan adalah baik, kenderaan untuk menyampaikan murid-murid itu adalah baik, tetapi sekolah-sekolah di kampung-kampung, kalau sekiranya belajar pagi dan petang, kanak-kanak yang belajar di sebelah pagi terpaksa bangun pada pukul 5.00 pagi berjalan kaki ataupun menunggang basikal untuk keluar daripada kampung mereka ke tepi-tepi jalan yang ada bas. Daripada jalan yang ada bas itu untuk menunggu bas kadang-kadang dapat bas yang pertama, maka dapatlah mereka sampai ke sekolah dengan begitu awal, tetapi kalau sekiranya mereka terlewat daripada mendapat bas yang pertama, maka mereka kehilangan satu dua mata pelajaran di dalam mengikuti pelajaran mereka pada hari itu. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran supaya di dalam membangun sekolah-sekolah yang baharu hendaklah memperimbangan berkenaan dengan bilangan murid-murid dengan bilik-bilik darjah yang telah diperuntukkan kepada sekolah-sekolah itu.

Begitu juga berkenaan dengan sekolah-sekolah kecil. Suka saya menarik perhatian pihak Kementerian Pelajaran bahawa sekolah-sekolah kecil patutlah disatukan dengan segera. Mengikut apa yang difahamkan kepada saya, ada di antara sekolah-sekolah di tempat saya perbelanjaan untuk membelanjakan kepada sekolah itu daripada gaji gurunya kepada perkakas-perkakas yang

dikehendaki, belanja yang dibelanjakan kepada sekolah itu lebih banyak lagi kalau sekiranya diperuntukkan wang itu kepada membawa murid-murid daripada rumah mereka ke sekolah yang jauh.

Belanja pengangkutan keseluruhan murid-murid di dalam sekolah yang kecil itu kurang daripada belanja yang telah diperuntukkan kepada gaji guru-guru dan yang lain-lain kepada sekolah itu. Ini adalah satu perkara yang tidak mendatangkan faedah. Kalau sekiranya sekolah yang kecil-kecil ini dapat disatukan dengan segera, maka wang yang telah dikeluarkan oleh Kementerian itu dapat dikawal dan perbelanjaan yang diperuntukkan itu bolehlah diberikan saguhati kepada murid-murid itu supaya membayar tambang bas daripada rumah-rumah mereka kepada sekolah-sekolah yang telah dipindahkan itu. Ini adalah mendatangkan faedah yang lebih daripada dibiarkan sekolah-sekolah yang kecil itu dengan banyaknya. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran supaya menyegerakan penyatuan sekolah-sekolah kecil seperti mana yang saya katakan tadi.

Akhir sekali, saya suka menarik perhatian berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kita nampak di dalam Anggaran Belanjawan peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menunjukkan kesungguhan Kerajaan di dalam tahun 1975 ini untuk mengatasi masalah-masalah yang ada di dalam negeri. Cuma satu perkara yang saya suka menarik perhatian Dewan, iaitu pegawai-pegawai di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengambil tugas Kadi. Rasa pelik kalau saya katakan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menjalankan tugas Kadi dan perkara ini berlaku di tempat saya, sedangkan badan-badan ataupun Pertubuhan-pertubuhan Wanita mendesak Kerajaan supaya mengurangkan polygamy. Kadi telah menjalankan sungguh-sungguh di dalam masalah ini. Polygamy telah diperkatakan. Seorang lelaki yang akan berkahwin lebih daripada satu diadakan borang, dan di dalam borang itu ditanya manakala dapat dimuat, dipenuhi borang itu dan dipersetujui oleh Kadi, maka barulah dibenarkan oleh Kadi untuk berkahwin lebih daripada satu. Tetapi seorang lelaki manakala dia tidak dapat kebenaran daripada Kadi, dia pergi kepada

pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mendapatkan satu borang lain yang boleh meluluskan mereka untuk berkahwin lebih daripada satu iaitu pegawai Imigeresen. Mereka yang tidak dapat berkahwin ditahan oleh Kadi, mereka pergi mengambil borang Imigeresen untuk pas keluar negeri, iaitu pergi ke Thailand atau Negeri Siam, berseorangan atau berdua, manakala pergi ke sana, mereka dapat berkahwin dan balik berdua-dua sebagai suami isteri. Ini satu perkara yang sangat mendukacitakan. Saya tidak menyalahkan Pegawai Imigeresen di dalam perkara ini, kerana tugas Imigeresen ialah membenarkan penduduk-penduduk di Sempadan mendapatkan pas untuk keluar menziarah di negeri-negeri jiran. Ini bukanlah menjadi satu kesalahan kepada pegawai-pegawai itu, tetapi di dalam masalah ini ada kait-mengaitnya apa yang telah ditahankan oleh Kadi dapat juga di laksanakan oleh mereka yang hendak melaksanakan perkara itu, iaitu berkahwin lebih daripada satu. Oleh yang demikian, saya suka mengesyorkan kepada Kementerian Luar Negeri, iaitu mereka yang telah keluar daripada negeri terutama sekali di Sempadan, kalau sekiranya mereka hendak berkahwin, mestilah lebih dahulu mendapat kelulusan daripada Kementerian Luar Negeri. Sebagaimana di tempat saya di Perlis kejadian ini sekarang sangat menjadi-jadi, dan kalau sekiranya dibiarkan keadaan ini menjadi-jadi maka perpecahan keluarga akan berlaku dengan meluasnya. Dan bukan setakat ini sahaja, ianya membuka jalan kepada lelaki berkahwin lebih daripada satu di luar Malaysia dan ini boleh membawa akibat yang lebih buruk iaitu menimbulkan anak-anak yang berhak mempunyai kerakyatan lebih daripada satu. Kalau perkara ini tidak diambil tindakan yang sewajarnya, maka perkara yang sedemikian itu akan berlanjutan dan saya takut Pegawai Imigeresen sendiri yang membenarkan borangnya digunakan oleh orang di sempadan pula akan menggunakan kesempatan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah perkara ini banyak benar berlaku di Perlis?

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Banyak juga. Itulah harapan saya di dalam masalah ini bahawa mereka yang keluar daripada negeri ini, kalau sekiranya mereka hendak berkahwin di luar negeri samada pasangan itu datang daripada Malaysia atau-

pun di luar Malaysia, hendaklah lebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan di Kementerian Luar Negeri, kerana di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi telah ada Konsoi atau Pesuruhjaya Tinggi yang diletakkan di sana, dan ini menjadi kemudahan kepada mereka menjalankan tugas ini dan ianya dapat mencegah berlakunya perkara itu dengan seluas-luasnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Belanjawan dan Usul yang ada di hadapan kita.

6.19 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Usul di hadapan kita di bawah nama Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan di sini saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I would like to congratulate Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri for bringing out a Budget that is said to be really painless and one that has been well-accepted by the general public. We are indeed happy, Sir, that in his Budget Speech our Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri has not forgotten to pay a warm tribute to Tun Tan Siew Sin whom, we all agree had, during the last fifteen years as Minister of Finance, most ably and wisely guided the economic and financial affairs of our country so successfully that we now have the confidence to face the difficult times that are threatening us today.

The Honourable Deputy Prime Minister, as Finance Minister, has advised the people in all walks of life to face the hard times ahead with fortitude and self-reliance and has even assured us that he will not hesitate to take stern and firm measures, if necessary, to combat inflation and recession.

Sir, although there are enough Government officers to watch after the irresponsible and unscrupulous businessmen in towns, I am afraid very little interest is taken of businessmen in the outskirts of the towns or in the kampungs and rural areas where the victims are mostly poor and not-so-well-informed kampung folks. I would suggest that more Enforcement Officers of the

Ministry of Trade and Industry be directed to these out-of-the-way areas so that our poor kampung and rural folks are not being victimised. I seem to feel that most of these Government servants are reluctant to visit villages and kampungs because, among other things, our roads in the villages and rural areas, especially in Province Wellesley, are in a very bad state of disrepair. Only last week the *Star* published a picture of the horrible conditions of a section of the road in Chai Ling Park, which is a new township in my constituency of Bukit Mertajam. I have already stated in my speech during the debate on the Motion of Thanks to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong how neglected the roads are in the kampungs and new villages. In one of the new villages in my constituency, a portion of the road has sunk in and appears very dangerous to road users. But even in spite of the trouble I took to warn the authorities, nothing appears to have been done yet.

Sir, even in the town of Bukit Mertajam itself, one of the main thoroughfares behind the Public Market is so bad that no driver, who cares for his car, would drive along this road to the Market. This state of affairs existed two years back, but with continued use of this road by lorries carrying fish and vegetables to the Market, the condition now, to say the least, is deplorable. Yet every time I brought this matter up to the authorities, I was told that the Government was looking into it.

Sir, the roads in the villages and the towns are the concern of the Council or the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. But with the Council now being integrated—its Headquarters is in Butterworth—I cannot see how it could serve the public in the villages and towns far away from this Headquarters in Butterworth, as well as it used to be. I am sure the people of Bukit Mertajam would be very grateful to the Honourable Minister of Local Government and Environment if he could use his good offices to direct the integrated Council to pay more attention to the roads and drains and other local services in the Districts of Bukit Mertajam and Nibong Tebal.

Sir, the integrated Council has the staff of the then Councils of Bukit Mertajam and Nibong Tebal, all sent to Butterworth immediately on its integration. If I am not

mistaken, the integrated Council now has no less than 5 Assistant Secretaries to look after the Councils's services, so much so that it has even one Assistant Secretary called the Assistant Secretary in charge of Special Functions. Well and good, Sir. But why cannot the Council have one Assistant Secretary stationed in Bukit Mertajam and one in Nibong Tebal to make things easier for the people in the Districts of Bukit Mertajam and Nibong Tebal? Now the people staying in the most southern point of Nibong Tebal have to travel no less than 40 miles and even spend the whole day probably to go to Butterworth if they want to apply for a licence or if they want to make a complaint that the nightsoil removal service is not satisfactory. Sir, I am afraid this is far from what the Minister of Local Government told us when we approved the Bill for amalgamation of the Councils. If I remember correctly, Sir, the Minister told us that the offices in Bukit Mertajam and Nibong Tebal would be retained for service to the people, but in actual fact only the Revenue Collection Office is retained to collect revenue.

Again, Sir, the members of the L.P.K.T., i.e. the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan are not, in the actual sense of the word, representative of the taxpayers as most of the members of the L.P.K.T. are nominated and they are not given an area which they can rightly look after and meet the people to hear their complaints or grievances. Sir, I agree that the L.P.K.T. is new and it must naturally have teething troubles, but surely the Chairman, the Secretary and all his Assistants are all old hands, and they could not be excused for any negligence or setback in the work of the local authorities. I am afraid, Sir, that the concept of local government is lost if a local authority or its members fail to look after the welfare and well being of the taxpayers in the locality.

I trust, Sir, that the Honourable Minister of Local Government and Environment would look into the grievances of the people in this matter not only in Province Wellesley but I believe also on Penang Island.

6.27 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri dan beliau juga Menteri Kewangan Malaysia yang membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 yang harus diterima baik oleh semua masyarakat negara ini. Peruntukan Pembangunan dan cukai-cukai yang tertentu seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat itu bagi melaksanakan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Kedua dan rancangan-rancangan ekonomi di dalam keadaan kewangan yang stabil. Dari itu saya tidak akan bercakap mengenai hal cukai-cukai yang sudah diterangkan itu maka eloklah saya bercakap mengenai bidang pembangunan.

Saya merasa sukacita apabila saya melihat data-data yang penting di dalam Lapuran Ekonomi iaitu Kertas Perintah Bil. 30 tahun 1974 di hadapan kita sekarang mengenai luasnya negeri Sabah dan Sarawak dengan penduduknya seramai 1.85 juta. Dengan ini mengikut hemat saya rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak berasa yakin di masa hadapan mereka adalah cerah berdasarkan perhetongan luasnya tanah dan ramainya penduduknya di kawasan tersebut. Walaupun negeri Sarawak mahupun negeri Sabah memang sudah lama terkenal tentang hasil pengeluaran hutannya seperti kayu-kayan dan lain-lain lagi, begitu juga hasil galian seperti minyak, tembaga, emas, batu arang yang sudah pasti menjadi bahan ekonomi yang kukuh dan berpanjangan sebagai salah satu sumber kekayaan rahmat kepada rakyat dan nadi negara ini pada keseluruhannya. Walaupun demikian benda-benda itu tidak bergolek dengan sendirinya ke tangan kita. Oleh itu, saya percaya pihak yang berkenaan, samada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan

Pusat telah mengorak langkah bagi menyelidiki dengan teliti di semua bidang bagi membuat rancangan perusahaan untuk mencungkil kekayaan negara ini dengan jalan tidak semata-mata bergantung modal kepada negara asing. Oleh kerana kemampuan atau kebolehan rakyat negara ini pada masa sekarang telah dapat sedikit sebanyak mengendalikan sendiri projek-projek yang tertentu untuk menyahut seruan negara "berdikari".

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Lapuran Ekonomi ini juga lada hitam adalah yang mendapat tempat ketiga bagi penerimaan tukaran wang asing selain daripada petroliaam dan kayu balak bagi negeri Sarawak walaupun tidak di catet di dalam Lapuran Ekonomi iaitu hasil-hasil pertanian yang lain seperti tepung sagu dan juga getah mahupun hasil di bidang perikanan juga sebagai penerimaan tukaran wang asing di bidang ekonomi negeri itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat suka hendak menyambung ucapannya pada hari esok?

Tuan Latip bin Haji Dris: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau begitu, Ahli Yang Berhormat boleh sambung lagi esok.

Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 20hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.